NOTA SEJARAH TINGKATAN 4

BAB1 : KEMUNCULAN TAMADUN AWAL MANUSIA

(1) Zaman Prasejarah

a) Apakah Zaman Prasejarah.

1. Zaman ini manusia belum mengenali tulisan .
2. Kajian zaman ini dilakukan oleh ahli arkeologi .
3. Empat tahap zaman ini ialah Zaman Paleotik , Mesolitik , Neolitik dan Logam .
4. Zaman Logam terbahagi dua iaitu zaman gangsa dan besi .

b) Ciri –ciri Zaman Paleolitik dan Mesolitik .

1. Hidup secara nomad – berpindah randah .
2. Tempat tinggal – tepi tasik/sungai dan dalam gua .
3. Cara hidup – kelompok keluarga dan berkumpulan
4. Menyara hidup – menangkap ikan , memburu binatang , memungut hasil hutan .
5. Alat –alat batu – lebih kasar yang mengutamakan fungsinya bukan nilai seni

c) Ciri –ciri Zaman Neolitik .

1. Hidup menetap dalam kelompok besar dan ternak binatang .
2. Menyara hidup – bercucuk tanam dan ternak binatang .
3. Mempunyai bahan tembikar .
4. Alat – alat batu – lebih halus/licin dan pelbagai fungsi.
5. Mula mewujudkan pengkhususan kerja.
6. Hasil artifak mereka lebih baik.
7. Pada akhir zaman ini, mula melebur logam.
8. Sistem barter berlaku kesan hidup menetap dan lebihan hasil makanan.

d) Ciri – ciri Zaman Logam.

1. Zaman ini terbahagi dua iaitu zaman Gangsa dan Besi.
2. Penggunaan besi menghasilkan ciptaan perahu dan rumah.
3. Mereka mula meneroka laut.

4. Mereka menjalankan perdagangan maritime (antarabangsa).
5. Petempatan mula membesar menjadi kota/bandar.
6. Mereka juga mula membina kota pertahanan.
7. Contoh Bandar – Catal Huyuk di Turki, Jericho di Jordan.

(2) Tamadun Manusia

a) Apakah makna tamadun.

1. Tamadun bererti peradaban.
2. Perkataan TAMADUN daripada bahasa Arab contohnya mudun, madain dan madana. Rumusannya bermaksud 'tinggi budi bahasa dan pembukaan bandar'.
3. CIVILIZATION (dalam bahasa Inggeris) daripada perkataan Greek iaitu civitas bermaksud bandar.
4. Konsep tamadun barat ialah pembangunan lahiriah (kebendaan) seperti undang – undang dan pembandaran.
5. Orang barat menolak kemajuan rohaniah.
6. Konsep Islam meliputi pembangunan lahiriah dan rohaniah, Islam juga mengambil kira kemajuan tatasusila dan kebudayaan yang luhur.
7. Orang barat yang menyokong kemajuan rohaniah ialah Richard Sullivan.

b) Ciri – ciri tamadun.

1. **Pembentukan tamadun** – hasil kemajuan pemikiran dan rohaniah manusia.
2. **Petempatan kekal** – corak hidupnya sistematik, bekalan makanan berterusan, kemajuan pertanian dan penternakan, menyimpan makanan dan mempunyai alatan seperti cangkul, teknologi pengairan dan lebihan makanan yang menampung pertambahan penduduk.
3. **Kehidupan berorganisasi** – merangkumi sosial, ekonomi dan politik. Hidup mereka stabil dan makmur, bermula dengan sistem keluarga kemudian menjadi kompleks kerana penduduk bertambah dan ekonomi pelbagai. Sistem sosial berbentuk piramid, bangsawan diketuai oleh raja (atas sekali) pembesar seperti ahli agama, ketua keluarga/kelompok,

pentadbir,ilmuan, pakar seni(kedua), rakyat biasa seperti petani dan pedagang (ketiga) dan hamba (bawah sekali).

4. **Sistem Pemerintahan** – untuk menjalankan pentadbiran. Ketua menggunakan unsur magis dan dianggap wakil tuhan. Perundangan dicipta untuk keamanan dan kemakmuran.

5. **Pengkhususan pekerjaan** – berlaku kesan kestabilan politik. Barang terhasil kerana kepakaran kumpulan tertentu. Kemudian berlaku system barter, kemudian berlaku perdagangan, pertukaran ilmu pengetahuan, teknologi, budaya dan hubungan dengan tamadun luar.

6. **Agama dan kepercayaan** – manusia mula dengan kepercayaan Animisme. Mereka percaya kuasa ghaib menguasai alam sekeliling maka mereka menyembah pokok dan matahari. Kemudian mereka beragama, bermula dengan menyembah lebih dari satu tuhan (politeisme).

7. **Bahasa dan tulisan** – bahasa terawal seperti heogrolif,cuneiform dan ideogram. Kepentingan bahasa dan tulisan ialah memperkembangkan ilmu pengetahuan, perhubungan, pentadbiran, keagamaan, idea dan pemikiran.

(c) Bagaimanakah proses pembentukan tamadun berlaku.

1. Bermula dengan penyesuaian manusia dan alam sekeliling.
2. Manusia memilih lembah sungai untuk petempatan kerana tanahnya subur untuk pertanian, air dan pengangkutan.
3. Contoh tamadun di lembah sungai ialah Mesopotamia di sungai Tigris dan Euphrates, Mesir purba di sungai Nil, Indus di sungai Indus dan Hwang Ho di Sg. Hwang Ho.

(3) Tamadun Mesopotamia

(a) Dimanakah lokasi tamadun Mesopotamia.

1. Tamadun paling awal.

2. Mesopotamia dalam bahasa Greek bermakna tanah di antara dua sungai.

3. Terletak di sungai Tigris dan Euphrates yang mengalir dari pergunungan Turki ke lembah Iraq hingga ke Teluk Parsi.

4. Dikelilingi pergunungan Zagros di timur laut, dataran tinggi Arab di barat daya dan teluk Paarsi di selatan.

b) Bilakah tamadun Mesopotamia berlaku.

1. Bermula daripada zaman Neolitik.

2. Kemudian muncul kerajaan Sumeria, Akkad, Ur, Babylon, Kassities, Assyria,Chaldea dan Parsi.

3. Selepas kerajaan Parsi maka runtuhlah kerajaan orang Mesopotamia.

(c) Proses pembentukan tamadun Mesopotamia.

1. Terbahagi dua iaitu utara dan selatan Bandar Baghdad.

2. Tamadun bermula di selatan iaitu Sumer.

3. Ia dimulakan oleh masyarakat Neolitik.

4. Kemudian orang Sumeria Berhijrah ke situ membina petempatan, bertani dan membina pengairan, sehingga berlaku lebihan makanan dan pertambahan pendudukan.

5. Daripada kampung akhirnya menjadi Bandar seperti Kish, Ur dan Mari yang terletak di sepanjang sungai dan terusan.

d) Ciri- ciri tamadun Mesopotamia.

1. Negara Kota :

Mempunyai kawasan utama – iaitu pusat kota, tembok kota, luar kota dan pelabuhan.

Kubu pertahanan – lengkap dengan pelbagai pintu gerbang.

Dalam kota – ada istana, rumah kediaman, rumah ibadat, pasar dan jalan yang lurus dan lebar.

Pusat kota – ialah rumah ibadat.

Pengangkutan – seperti kapal, pedati dan keldai.

Hubungan luar – melalui jalann laut, Bandar dan negara kota.

<u>2. Organisasi sosial :</u>

Terbahagi dua iaitu pemerintah dan rakyat .

Pemerintah terdiri dari raja , ketua pendeta , ketua tentera , dan bangsawan .

Rakyat terbahagi dua iaitu rakyat bebas (seperti petani , artisan , pedagang) dan hamba (tawanan perang) .

<u>3. Sistem pemerintahan :</u>

<u>Berbentuk Teokrasi</u> – raja dianggap tuhan ,wakil tuhan dan pemilik negara kota .

Walau bagaimanapun mereka tidak menyembah raja , kecuali raja Raja Naramsin di Akkad yang menganggap dirinya terlalu agung bergelar " Raja Empat Penjuru Alam .

<u>Raja menjadi ketua pentadbir , ketua tentera , ketua pendeta</u> .

Raja juga menjadi ketua agama dan beliau melantik keluarganya memegang jawatan di Zigurat .

Zigurat ialah pusat ibadat , perdagangan ,dan menyimpan khazanah negara .

Raja turut dalam soal tanah , cukai, pertanian ,dan perniagaan .

Raja dibantu oleh bangsawan yang ada ikatan keluarga .

<u>4. Pengkhususan kerja :</u>

Ia berlaku kerana wujudnya lebihan pertanian .

Maka ada petani bertukar kerja menjadi perniaga , pedagang .

Mereka berniaga hingga ke Lembah Indus .

Perdagangan penting kerana kurangnya hasil bahan mentah .

Maka logam , kayu – kayan , emas ,dari luar kerajaan ditukarkan dengan hasil pertanian mereka .

Terdapat juga pengusaha tekstil , tembikar dan tukang rumah kesan pertambahan penduduk .

Ada juga rakyat yang menjadi tentera mempertahankan negara kota daripada musuh .

5. Sistem Tulisan :

Ia bermula dalam bentuk gambar .
Kemudian berbentuk simbol yang ditulis di atas tanah liat kerana tiada kertas .
Tulisan ini berbentuk pepaku dikenali sebagai cuneiform .

e) Apakah sumbangan tamadun Mesopotamia .

1. Kod Undang –undang Hammurabi :

Ia digubaloleh Rja Hammurabi pemerintah Babylon .
Ia berteraskan hak rakyat terhadap keadilan .
Hukuman mestilah setimpal dengan kesalahan tetapi berbeza mengikut susun lapis masyarakat .
Ia dipahat pada tembok dan tiang besar .
Ia menjadi dasar perundangan tamadun Mesopotamia .
Undang –undang ini mengelakkan masalah pelbagai kaum dan susun lapis masyarakat dan membawa perpaduan .

2. Hasil Tulisan :

Melahirkan jurutulis yang merekodkan urusan pentadbiran dan perniagaan – lengkap dengan resit , nota dan surat kredit
Lahirnya epik Gilgamesh – hasil sastera mengenai falsafah dan cara hidup orang Mesopotamia .

3. Ilmu pengetahuan :

Ilmu astronomi – pencerapan pergerakan bulan ,bintang ,matahari telah memperkembangkan ilmu matematik seperti tambah , tolak , darab ,dan bahagi .
Ilmu Astronomi membantu mereka menggunakan jalan laut.
Kalendar mereka berasaskan system solar (12 bulan satu tahun).

Ilmu perubatan – mementingkan kesihatan tentera menggunakan ubatan herba . Ramuan perubatan dikatalogkan dan disampelkan penggunaannya dan cara mengubatinya telah dicatatkan .

4. Pengangkutan :

Roda menghasilkan kereta kuda untuk perang dan ketika aman pula ia digunakan sebagai kincir air untuk pertanian dan mengawal banjir .

Kapal layar dan kenderaan roda menghubungkan mereka dengan wilayah di India dan Laut Mediterranean .

5. Seni bina :

Mereka membuat batu –bata dari tanah liat .

Mereka mencipta arca seperti patung raja Gudes .

Arca dan tiang batu ada pada bangunan Zigurat .

6. Empayar pertama dunia :

Raja Sargon membina kerajaan Akkad (empayar pertama dunia)yang menyatukan wilayah –wilayah kerajaan Sumeria .

Beliau juga membentuk masyarakat berestika .

7. Perpustakaan diraja :

Dibina oleh Ashurbanipal di Bandar Nineveh .

(4) Tamadun Mesir Purba

a) Dimanakah lokasi tamadun Mesir Purba .

1. Di tebing sungai Nil dari utara Mesir ke Laut Mediterranean .
2. Sg Nil berpunca dari sg Nil Biru dari Ethiopia dan sg Nil putih dari Uganda .
3. Tanah Sg Nil amat subur untuk pertanian dan petempatan .

b) Bilakah tamadun Mesir Purba berlaku.

1. Bermula daripada zaman Neolitik .
2. Kemudiannya di sekitar delta dan bahagian pertengahan Mesir wujud pula tamadun awal .
3. Tamadun terbahagi empat zaman iaitu zaman awal , zaman pertengahan , empayar , dan keruntuhan .
4. Zaman kejatuhan Mesir diperintah oleh orang asing seperti orang Libya , Assyria , Parsi , Yunani dan Rom.

c) Proses pembentukan tamadun Mesir Purba.

1. Lembah Nil mulanya didiami oleh manusia zaman Gangsa .
2. Alat logam membantu mereka membina parit dan pengairan .
3. Ia membantu menyuburkan tanah pertanian dan pertempatan .
4. Beberapa kampung kemudian membentuk Bandar dan seterusnya daerah .
5. Akhirnya daerah –daerah dicantumkan dengan salah sebuah Bandar seperti Memphis dan Thebes membentuk pusat pentadbiran Tamadun Mesir .

d) Ciri-ciri tamadun Mesir Purba 1. Pusat pentadbiran Firaun :

Firaun Menes menyatukan semua daerah di bawah satu pusat pentadbiran di bandar Thinis .

Kemudian berpindah ke Bandar Memphis , Thebes , Heliopolis , Fayoum dan Abydos .

Di pusat Bandar terdapat kediaman Firaun , pusat pentadbiran , pelabuhan , dan keagamaan .

2. Organisasi masyarakat.

Firaun (atas sekali) – raja berkuasa mutlak , dianggap sesuci , diwarisi turun – temurun . Antara gelaran Firaun –Tuhan Horus , Raja Matahari , (dipercayai anak tuhan matahari iaitu Amon –Re) . Ia juga ketua pendeta, pemilik tanah, ketua hakim dan ketua pahlawan .Selepas Firaun – bangsawan, rahib, tuan tanah dan jurutulis .

Kemudian rakyat bebas – petani, pedagang, artisan .

Hamba (bawah sekali).

3. Sistem pemerintahan :

Diterajui oleh Firaun yang di bantu oleh bangsawan bagi menjalankan pentadbiran, menjaga keamanan , mengagih dan mengurus hasil makanan .

Bangsawan ialah pembesar seperti pegawai, penasihat dan gabenor wilayah yang ditakluki.

Kemudian Rahib yang mengawal hal keagamaan.

Urusan pentadbiran juga dibantu oleh jurutulis (orang awam yang dilantik untuk menulis rekod kerajaan).

Wanita pernah menjadi firaun iaitu Firaun Hatshepsut yang berjaya memajukan pertanian dan terusan.

Pemerintahan firaun meliputi Nubia, Palestin, Lubnan, hingga ke Syria.

4.Pengkhususan kerja :

Contohnya menenun, membuat tembikar, melombong emas di Nubia.

Eksport Mesir – seperti tekstil, kertas.

Kegiatan perdagangan maju kerana banyak kapal dari Laut Mediterranean dan Laut Merah berlabuh di pelabuhan Thebes, Memphis.

5.Konsep politeisme dalam agama

Tuhan orang Mesir dikaitkan dengan alam seperti Re (Tuhan Matahari), Ra-Atum (Tuhan Langit).

Mereka percaya hidup selepas mati – mayat disimpan rapi, lengkap dengan alat dan keperluan hidup. Alat kebesaran dan keperluan yang disertakan mengikut status mayat.

6. Sistem tulisan

Tulisan mereka dikenali sebagai hiegroglif.

Tulisan ini hasil kombinasi gambar dan simbol yang berdasarkan bunyi.

Tulisan digunakan untuk mencatat rekod pertanian, kutipan cukai dan untuk tujuan keagamaan.

e) Apakah sumbangan tamadun Mesir Purba.

1. Seni bina

Seni bina piramid hasil ilham Imhotep (saintis, ahli fizik, arketik, perubatan, pengarang, dan penasihat firaun).

Imhotep membina bangunan menggunakan batu- bata.

2. Kertas :

Mereka mencipta kertas daripada pokok papyrus.

Kertas digunakan untuk menyimpan khazanah bangsa (penulisan) menggantikan kepingan batu bata.

3. Tulisan :

Tulisan hiegrolif terpahat pada makanan dan batu.

Tulisannya amat halus, cantik dan seni.

4. Pendidikan ;

Untuk kanak- kanak keluarga atasan dan diberikan sejak umur rendah.

Dikendalikan oleh rumah ibadat dan ditadbir oleh kerajaan.

Tujuan pendidikan melahirkan pegawai kerajaan khasnya jurutulis terlatih.

5. Ilmu perubatan :

Pengamal perubatan diberi status tinggi dan berkhidmat untuk firaun dan masyarakat.

Mereka memumiakan mayat kerana ia berkait dengan kepercayaan orang Mesir.

Mereka mahir dalam bidang fizik, kimia dan perubatan.

6. Ilmu Matematik :

Ilmu geometri, matematik dan sains melahirkan pengurus pertanian, bekalan air dari Sg. Nil, bangunan dan pyramid.

Mereka menggunakan ilmu ini untuk mengawal banjir .

Pengetahuan matematik dan sains berjaya menukar padang pasir menjadi kawasan pertanian hasil kemajuan pengairan .

Ilmu matematik dan astronomi turut membantu orang Mesir mencipta kalendar 365 hari dan 12 bulan setahun .

(5) Tamadun Indus .

a) Dimanakah lokasi tamadun Indus

1. Tamadun terawal di India terletak di Sg. Lembah Indus (barat laut India).

2. Sungai ini berpunca dari pergunungan Himalaya mengalir menuju ke laut Arab .

3. Tamadun ini juga di kenali sebagai tamadun Harappa .

4. Ia di kelilingi Bandaran Makran , Pergunungan Baluchisan , Punjab dan Rajasthan (timur), serta Kathiawar dan Gujerat (tengara) .

b) Bilakah tamadun Indus berlaku .

1. Muncul 2500 S.M. dan merosot 1800 S.M.

2. Kemorosotannya disebabkan serangan orang Aryan , banjir , kemarau dan gempa bumi .

c) Proses pembentukan tamadun Indus .

1. Bermula di barat laut India yang didiami oleh orang nomad yang memburu dan mengumpul makanan.

2. Kemudian wajud petempatan kekal kerana sumber air dan tanah yang subur di Lembah Indus.

3. Seterusnya hasil pertanian dan penduduk bertambah menyebabkan perkembangan Bandar seperti Mohenjo –Daro dan Harappa, serta pelabuhan Lothal dan Sutkagen Dor.

d) Ciri –ciri tamadun Indus .

1. Bandar terancang :

Terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

Bahagian utama – mempunyai pusat pentadbiran dan keagamaan, bangunan pentadbiran, tempat mandi awam, dan tempat menyimbah kawasan pertanian .

Bahagian kedua – kawasan perumahan.

Kemajuan Bandar ini dibantu oleh kemajuan ilmu geometri dan pembinaan. Ia juga hasil sumbangan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba.

Bandar di sini berasaskan blok –blok segi empat yang dipisahkan antara blok oleh jalan raya lurus yang bersambung antara satu sama lain

Bandar ini lengkap dengan sistem kumbahan.

Bandar ini dihubungkan dengan sungai sebagai jalan perhubungan.

2. Organisasi sosial :

Terbahagi dua golongan, atasan dan bawahan.

Golongan atasan ialah pendeta, pedagang.

Pendeta berkuasa berkaitan hal keagamaan menyebabkan golongan bawahan taat kepadanya.

Pendeta dianggap pemerintah kerana tiada bukti wujudnya raja di sini.

Golongan bawahan ialah petani dan buruh.

Petani menyerahkan sebahagian hasil kepada pihak berkuasa.

Buruh menjalankan kerja buruh seperti menjaga kebersihan Bandar, membina tembok dan terusan.

3. Pengkhususan pekerjaan :

Kegiatan ekonomi mereka ialah perdagangan, pertanian,pertukangan , dan pembuatan .

Perdangangan luar sehingga ke Mesopotamia, buktinya cap mohor masyarakat Indus ada di Mesopotamia.

Hasil dagang seperti emas, gading, manik dan pertanian.

Petani menanam barli dan kacang.

Artisan menghasilkan barang logam dan tembikar.

4. Amalan agama :

Patung proto – Siva (seseorang yang duduk bersila dan ada tiga tanduk di kepala) melambangkan dewa Brahma, Siva dan Vishnu. Patung ini berkaitan dengan agama Hindu.

Mereka juga percaya Tuhan ibu sebagaimana masyarakat Mesopotamia, Syria, Palestin.

5. Sistem tulisan :

Sistem tulisan mereka berbentuk piktograf tetapi ia masih misteri dan belum dapat ditafsirkan.

e) Apakah sumbangan tamadun Indus.

1. Perancangan Bandar :

Kepakaran mereka ialah menentukan letakan bandar.

Merancang Bandar memerlukan kemahiran ilmu geometri, kesenian, matematik dan pembinaan.

Mereka mempunyai bahan binaan bermutu, di mana batu – bata daripada tanah liat dibakar pada suhu tinggi.

2. Sifat keterbukaan :

Sikap terbuka menyebabkan mereka berhubung dengan masyarakat Mesopotamia dan Mesir Purba.

Hubungan ini membawa kepada pertukaran teknologi yang disesuaikan dengan keadaan tempatan.

(6) Tamadun Hwang Ho

a) Dimanakah lokasi tamadun Hwang Ho

1. Muncul di Sg. Hwang Ho yang subur (utara China – dari tanah tinggi di barat hingga ke Teluk Bo Hai di timur)
2. Bersifat setempat kerana keadaannya bergunung – ganang dan padang pasir.

b) Bilakah tamadun Hwang Ho berlaku.

1. Bermula pada zaman paleolitik (jumpaan Peking Men).
2. Kemudian zaman Neolitik – bertani dan menternak.
3. Seterusnya Dinasti Hsia (dinasti pertama/belum dipastikan).
4. Selepas itu Dinasti Shang dan diganti pula oleh Dinasti Chao kerana kezaliman pemerintahan.

c) Proses pembentukan tamadun Hwang Ho.

1. Kesuburan Hwang Ho menyebabkan nomad menetap di sini.
2. Tapak Banpo berdekatan Badar Sian adalah petempatan awal penduduk Hwang Ho.
3. Mereka bertani, menternak dan berburu.
4. Kemudiannya muncul bandar seperti Anyang di Sg. Huan.
5. Ketika disnati Shang – berlaku perluasan wilayah dan penyebaran budaya di Lembah Hwang Ho.
6. Ketika Dinasti Chao- meluas ke selatan Sg. Yangtze.

d) Ciri – ciri tamadun Hwang Ho.

1. Negara Kota :

Perkembangan pertanian membawa kepada kemunculan Bandar seperti negara kota Anyang di Sg. Huan.

Di sini terdapat istana, kuil dan pusat pentadbiran.

Raja, pembesar dan golongan agama tinggal di Bandar ini.

Bandar Anyang lengkap dengan tembok penghalang musuh dan dikelilingi perkampungan petani.

2. Organisasi sosial :

Lapisan atas – raja (teraju) dan pembesar

Lapisan bawah – petani (luar Bandar disekelilingi kota), dan artisan (mahir teknologi gangsa seperti membuat senjata, perisai dan hiasan).

Lapisan paling bawah – hamba.

3.Pengkhususan pekerjaan :

Pembesar mempunyai tentera kereta kuda dan berjalan kaki.

Petani memenuhi keperluan golongan atasan.

Golongan artisan mencipta tembaga (bekas minuman dan makanan), senjata dan tembikar.

Hamba sebagai tentera paksaan dan buruh upacara korban dan penyembahan.

4) Sistem pemerintahan Dinasti Shang :

Pengganti raja ialah saudara lelaki lebih muda atau anak lelaki raja.

Raja berkuasa di pusat pentadbiran.

Raja mendapat mandat daripada tuhan dan tidak perlu pengesahan politik.

Raja dibantu oleh golongan bangsawan dan pegawai kerajaan.

Bagi wilayah diluar pusat pentadbiran, raja dibantu oleh golongan bangsawan yang mentadbir wilayah. Maka bangsawan berhak memungut cukai, mengurus pertahanan dan undang – undang.

Sistem ini diasimilasikan oleh Dinasti Chao.

5. Sistem pemerintahan Dinasti Chao :

Membahagikan pemilikan tanah kepada wilayah – wilayah.

Setiap wilayah dilantik pembesar tempatan.

Pembesar ini berikrar taat setia kepada raja dan diberi hadiah kereta kuda, senjata gangsa, hamba dan binatang.

Mereka juga melindungi raja dan menyediakan tentera ketika perang.
Pembesar ini juga menjadi ketua agama.

6. Keagamaan :

Mereka mengamalkan kepercayaan animisme, politeisme.
Maka mereka menyembah roh nenek moyang, tuhan syurga, tuhan bumi, sungai, bukit dan gunung.
Upacara agama menggunakan muzik, tarian dan upacara korban yang diketuai oleh bomoh.
Mereka juga percaya tulang oracle yang boleh meramal sesuatu keadaan.
Bomoh akan meletakkan tulang ini di atas unggun api hingga timbul rekahan yang boleh ditafsir olehnya.

7. Sistem Tulisan :

Rekahan tulang oracle telah memberi idea tulisan di negeri China yang berbentuk ideogram (tulisan simbol)
Pada mulanya tulisan ini berbentuk gambar seperti bulan, matahari dan sungai. Kemudian berubah seperti tulisan hari ini.

<u>e) Apakah sumbangan tamadun Hwang Ho.</u>

1. Pemerintahan Monarki :

Sistem ini berterusan hingga Dinasti Ching.
Beberapa perubahan berlaku seperti konsep maharaja.
Maharaja dikaitkan dengan anak syurga dan mandat syurga.

2. Kemajuan pertanian :

Terusan dibina untuk mengairi tanaman dan mengelak banjir, ia dimajukan oleh Shih Huang Ti.
Teknologi membajak, cangkul dan sabit dicipta.
Petani telah mula menggunakan batas tanaman.
Kemudian alat pertanian kayu bertukar kepada besi.

3. Kemajuan tulisan :

Tulisan meluas dlam bidang penulisan dan pencetakan.

Tulisan digunakan di sekolah China dan berkembang ke Korea dan Jepun.

4. Kepercayaan :

Kepercayaan pemujaan roh nenek moyang kekal sehingga kini mengikut kesesuaian masa seperti korban manusia diganti dengan makanan, duit kertas dan barang perhiasan.

Konsep Yin Yang (kuasa pasif dan aktif) serta Feng Hsui (keharmonian manusia dan alam sekitar) juga masih diamalkan hingga kini.

5. Sistem kelendar :

Kalendar Shang ada 30 hari sebulan dan 360 hari setahun.

Raja menetukan musim menanam dan menuai mengikut kalendar.

Kalender penting untuk menentukan tarikh perkahwinan, memburu dan pengkebumian.

6. Falsafah perang Sun Tzu :

Karya The Art of War membicarakan hal perang bagi menangani musuh.

Ia telah diaplikasikan dalam urusan perniagaan.

BAB 2 : PENINGKATAN TAMADUN

(1) Latar belakang tamadun

a) Apakah peningkatan tamadun.

1. Kemampuan manusia menggunakan pemikiran untuk mengawal dan menggunakan sepenuhnya alam sekitar.

2. Seterusnya ia akan membawa kepada kehidupan yang lebih maju dan kompleks berbanding sebelumnya.

3. Peningkatan ini berkaitan dengan kemahiran menghasilkan idea baru dari aspek sosial, politik dan ekonomi.

b) Tamadun Yunani.

1. Letakan – di Semenanjung Greece dan pulau sekitarnya yang dikelilingi laut Mediterranean dan Aegen.

2. Bermula dengan negara kota (polis) – hasil gabungan beberapa bandar dan kampung.

3. Setiap negara kota mempunyai sebuah kota yang dikelilingi kawasan pertanian.

4. Dalam kota pula terdapat pasar, kubu kuil dan istana.

5. Contoh negara kota terkenal ialah Athens dan Sparta yang terletak berhampiran Laut Mediterranean.

6. Setiap negara kota mempunyai pemerintahan dan undang – undang tersendiri serta mempunyai beberapa tuhan.

7. Masyarakat dalam negara kota sentiasa bersatu padu tetapi perang kerap berlaku antara negara kota.

c) Tamadun Rom

1. Letakan – di Bukit Palatine berhampiran Sg. Tiber di lembah Latium yang didiami oleh masyarakat latin.

2. Ia berkembang ketika diperintah oleh Romulus.

3. Kemudian wujud majlis perbandaran di setiap bandar yang mentadbir tanpa gangguan pentadbiran pusat di Rom.

4. Bandarnya lengkap dengan bekalan air, sistem pemanas, rumah ibadat, teater, sarkas, tempat forum, rumah mandi awam dan istana.

5. Contohnya Bandar Pompei lengkap dengan pejabat, dewan, perpustakaan, makhamah, pintu gerbang, Colloseum, paip bawah tanah, saliran, terusan, industri dan pengangkutan.
6. Penduduknya seramai 50 ribu orang pada tahun 80 M.

d) Tamadun India.

1. Kedatangan orang Aryan membentuk zaman Vedik sempena kelahiran kitab – kitab Veda.
2. Agama Hindu lahir pada zaman Vedik ini.
3. Kemudian tamadun ini berpindah ke Lembah Ganges.
4. Pada masa ini, pemerintah ialah golongan raja.
5. Dua bentuk kerajaan terbentuk – janapada (kerajaan kecil) dan mahajanapada (kerajaan besar).
6. Chandragupta Maurya kemudiannya menyatukan kerajaan – kerajaan kecil, maka muncullah empayar pertama di India di bawah Dinasti Maurya (menyatukan utara India).
7. Kemuncak kegemilangan dinasti ini ketika di zaman Asoka.

e) Tamadun China.

1. Letakan – di Lembah Hwang Ho hingga ke selatan China.

2. Empayar pertama ialah Dinasti Chin.
3. Maharaja Shih Huang Ti memperluaskan empayar hingga ke Sg. Merah di Vietnam.
4. Jajahan yang luas disatukan di bawah pentadbiran pusat.

(2) Pemerintahan dan pentadbiran.

a) Tamadun Yunani.

1. Bentuknya berubah- ubah seperti monarki, oligarki, aristokrasi, diktator dan akhirnya demokrasi.
2. Di Athens – mulanya mengamalkan sistem beraja. Raja menjadi ketua hakim, tentera dan agama. Beliau dibantu oleh konsul yang terdiri daripada golongan kaya.
3. Kemudian konsul menjadi kuat dan raja merosot – raja dipilih tetapi kuasa terhad. Beberapa orang konsul memerintah, sistem ini dinamakan oligrarki.
4. Kemudian lahir aristokrat dikalangan konsul tadi yang memiliki kuasa besar, sistem ini ialah aristokrasi.
5. Kemudian berlaku ramsapan kuasa kerana rakyat tidak puas hati – maka muncul sistem ditaktor dikalangan golongan kaya atau tentera.
6. Rampasan kuasa ini ditentang oleh aristocrat – maka muncullah demokrasi.
7. Sistem demokrasi di Athens – tersapat Dewan Perhimpunan dan Majlis. Semua warganegara lelaki menjadi anggota Dewan Perhimpunan selama 6 bulan hingga 1 tahun. Dewan ini berhimpun 3 kali setahun, ahli boleh mencadangkan dasar kerajaan, tetapi keputusan di kendalikan oleh Majlis. Ahli Majlis, Majistret dan Juri dilantik oleh dewan, maka dewan berkuasa penuh keatas ketiga – tiganya.
8. Negara kota yang mengamalkan sistem raja berkuasa mutlak tidak mengamalkan sistem demokrasi.
9. Sistem tentera di Sparta pula pertahanan amat penting, anak lelaki dilatih menjadi askar yang handal dan patriotic.

b) Tamadun Rom.

1. Bermula dengan sistem raja berkuasa mutlak iaitu keturunan raja Etrucan (bukan keturunan Latin tempatan).

2. Patrician (bangsawan) mengetuai pemberontakan masyarakat Latin menjatuhkan raja Etruscan.
3. Kemudian dibentuk sistem Republik – dua konsul dilantik oleh Dewan Senat supaya tiada yang lebih kuasa. Konsul dibantu oleh Dewan Senat (bangsawan) bagi membincangkan hal pentadbiran dan perundangan. Konsul dilantik dikalangan ahli Dewan Senat yang biasanya praeotor (pemerintah tentera). Di bawah Dewan Senat ialah Dewan perhimpunan (semua rakyat Rom). Keputusan Dewan Senat disampaikan kepada Dewan Perhimpunan untuk diluluskan.
4. Pemerintahan bercorak empayar ketika Julius Caesar – berlaku selepas perluasan kuasa ke Macedonia, Yunani, Mesir hingga ke Brittania dan Jerman. Wilayah kecil telah disatukan di bawah pentadbiran pusat. Julius bergelar maharaja menjadi diktator dengan menguasai tentera dan Senat.
5. Maharaja Augustus membentuk empayar keamanan Rom (Pax Romana) meliputi benua Asia, Afrika dan Eropah.

c) Tamadun India.

1. Dua bentuk kerajaan – kerajaan kecil (kepuakan/tiada raja) dan kerajaan besar (diketuai raja seperti kerajaan Kashi, kosala).
2. Raja bekuasa mutlak diperkukuhkan dengan kepercayaan raja suci dan harus dihormati. Brahim menjadi penasihat raja dan Ksyatria menjadi pemerintah tertinggi.
3. Pemerintahan empayar – Raja Maurya menjadi maharaja. Empayar ini meliputi dari Teluk Benggala ke Pergunungan Hindu Kush. Ibu negaranya ialah Pataliputra.
4. Kegemilangan Dinasti Maurya ketika pemerintahan Asoka telah menamatkan perang Kalinga, membentuk kedamaian menakluk melalui penyebaran agama Buddha dan membentuk birokrasi pentadbiran.

d) Tamadun China.

1. Sistem feudal bertukar kepada pentadbiran pusat kerana perluasan kuasa empayar Dinasti Chin.
2. Konsep raja menjadi maharaja.

3. Maharaja membentuk birokrasi awam dan melantik pegawai dikalangan rakyat. Perlantikan dibuat oleh jawatankuasa perhikmatan awam berasaskan peperiksaan awam. Sistem ini diwujudkan oleh Dinasti Han, tokoh pentingnya ialah Shih Huang Ti.

(3) Perundangan.

a) Tamadun Yunani.

1. Dewan Perhimpunan menggubal undang- undang.
2. Plato dalam bukunya Republik mengatakan negara harus diperintah oleh ahli falsafah.
3. Katanya ahli falsafah berupaya menggubal undang – undang.

b) Tamadun Rom.

1. Hukum kanun 12 ialah undang- undang ynag pertama.
2. Ia dipahat pada kayu papan 12 dan diletakan di tempat awam.
3. Lahir pada zaman Republik, kemudian Maharaja Justinian mengemaskini dan membukukannya.
4. Beliau akhirnya melahirkan Kod Undang – undang Rom yang dikenali sebagai Undang – undang Justinian.

c) Tamadun India.

1. Dharma Sastra ialah kitab undang – undang Hindu tertua.
2. Raja memelihara kesucian undang – undang.
3. Denda kesalahan bergantung keseriusan kesalahan.
4. Brahmin dominan dalam hal undang – undang kerana mereka mahir berkaitan hal keagamaan.
5. Ketika Dinasti Maurya – undang – undang disampaikan sebagai titah perintah diraja yang diukir pada tiang Asoka yang berpegang kepada kesejahteraan rakyat.

d) Tamadun China.

1. Dua prinsip utama – hukuman berat dan bercorak kolektif.

2. Undang – undang berasaskan falsafah Legalisme yang digubal dan diperkenalkan olek Han Fei Tzu yang menyatakan undang – undang tegas dapat mengawal tingkahlaku manusai.

3. Undang – undang tiada belas kasihan dan penguatkuasaannya perlu dipelihara.

4. Sebaliknya ajaran Confucius menekankan raja berpekerti baik dan menjaga keharmonian.

(4) Perluasan kuasa

a) ***Tamadun Yunani.***

1. Philip II – menyatukan Macedonia dan Yunani.

2. Alexander The Great – menguasai Parsi, Mesir, Turkistan Samarkand dan seluruh kawasan Laut Mediterranean.

3. Beliau menyebarkan kebudayaan Hellenistik (campuran budaya Yunani, Parsi, dan budaya timur yng lain) ke Itali, Iskandariah dan Antioch.

4. Empayar Yunani berakhir dengan kematian Alexander dan munculnya empayar Rom.

b) <u>Tamadun Rom.</u>

1. Augustus Caesar – mengubah sistem republik menjadi sistem empayar yang meliputi Britain, Sepanyol, Sg Rhine, Sg Danube, Laut Hitam, Turki dan Palestin.

<u>c) Tamadun India</u>

1. Chandragupta Maurya mempunyai tentera yang besar untuk menguasai India Utara, Punjab dan sempadan India Barat.
2. Anaknya Bindusara meluaskan ke Mysore di selatan India.

3. Asoka lebih lembut dan menekankan agama Buddha.

4. Ketika Asoka seluruh India berjaya ditakluk hasil kemenangan dalam Perang Kalinga.

d) Tamadun China.

1. Shih Huang Ti menyatukan seluruh kerajaan kecil di China.

2. Beliau memerintah secara automatik (tegas dan mutlak).

3. Bangsawan dihapuskan dan gabenor serta panglima tentera dilantik mentadbir wilayah.

4. Beliaumembina Tembok Besar China untuk menghalang serangan orang gasar.

5. Maharaja Han Wu Ti (Dinasti Han) meluaskan empayar ke Sinkiang, Lembah Tarim, Yang Tze, Kwangsi dan Kwang Tung. Pada masa ini pengaruh China hingga ke Jepun dan Turkistan dan keamanan China diwujudkan.

(5) Peningkatan ekonomi.

a) Tamadun Yunani.

1. Semua negara kota kecuali Sparta menumpukan perdagangan kerana bumi bergunung – ganang tidak sesuai untuk pertanian. Kesannya perdagangan melalui jalan laut dengan wilayah luar dijalankan. Mulanya perdagangan pesisir pantai seperti dengan Mesir, Syria.

2. Athens dan Corinth kekurangan makanan kerana kurang tanah pertanian, maka mereka mendapatkan makanan dari kawasan selatan dan Laut Hitam.

3. Athens juga menjadi pusat pengumpulan barang dari timur.

4. Cukai yang dikenakan di sini telah menaikkan harga barang, kesannya ramai rakyat Yunani berpindah ke Alexandria pada zaman Gracco – Rom.

b) Tamadun India.

1. Perdagangan dalam kerajaan Maurya seperti di Anga dan Kalinga – barangannya seperti senjata, emas, gading gajah.

2. Perdagangan antarabangsa dengan Macedonia, Sri Langka, Asia Tenggara – pelabuhan terlibat : Tamralipti, Cambay,.

3. Wujud persatuan perdagangan (sresthin) di setiap Bandar – seperti Persatuan Tukang Kayu, tukang Logam.

4. Matlamat persatuan ini, mengawal harga, kualiti barang dan gaji pekerja – persatuan ini dikawal oleh raja.
5. Mata wang emas digunakan ketika zaman Gupta.
6. Perusahaan utama – sutera (di Bengal), kain kapas, emas.
7. Cukai hasil perdagangan buah – buahan dan pertanian dikutip untuk menyara tentera, pentadbir dan raja.
8. Zaman Gupta – memperoleh rempah dari alam Melayu, tembikar dari China.

c) Tamadun China.

1. Kemajuan pertanian menambah hasil petani seperti kolar kuda menarik tenggala untuk membuat batas, penyisir tanah , tanaman bergilir, teres bukit dan terusan.
2. Perusahaan tembikar, logam, sutera (zaman Dinasti Han) – didagang ke alam Melayu, India, Timur Tengah dan Barat.
3. Mula – mula melalui Jalan Sutera (darat), kemudian Jalan Laut (Dinasti Tang).
4. Di China muncul persatuan perdagangan yang melahirkan ramai golongan pertengahan kesan perdagangan dalam negeri, ia turut memajukan pengangkutan di China seperti jalan raya, jambatan, kereta kuda dan kereta lembu.

(6) Pendidikan

a) Tamadun Yunani.

1. Di Athens – pendidikan bertujuan melahirkan manusia seimbang (rohani dan jasmani) seperti aktiviti pendidikan, sukan, sastera, pidato, muzik, menulis.
2. Di Sparta – pendidikan untuk melahirkan tentera yang gagah dan setia kepada negara kota (kemahiran fizikal dan senjata amat dipentingkan).
3. Banyak sekolah falsafah dibina seperti di Athens, Thebes yang melahirkan sejarawan seperti, Herodotus, pemikir sains seperti Thales, Anaxagoras.
4. Athens menjadi pusat cendiakawan penting ketika pericles.

b) Tamadun Rom.

1. Mereka menyerap unsur Yunani pada peringkat awal.

2. Pendidikan mementingkan aplikasi pratikal ilmu – contohnya membina infrastuktur dan kemudahan awam.

3. Pendidikan ini melahirkan jurutera pengairan, bangunan.

c) Tamadun India.

1. Pendidikan bermula pada zaman Vedik yang mementingkan agama Hindu yang mendominasi oleh kaum lelaki.

2. Mereka menggunakan kitab veda dalam bahasa Sanskrit.

3. Keadah yang digunakan ialah menghafal kitab Veda.

4. Tumpuan pendidikan ialah agama (persediaan selepas mati).

5. Pendidikan awal terdapat di istana dan rumah.

6. Kemudian lahir sistem pendidikan tinggi di kolej Brahman, universiti agama Buddha di Nalanda.

7. Untuk menjadi Brahmin mereka harus menghafal Veda yang mengandungi peraturan ritual, mentera dan lagu – lagu agama, mempelajari karya saintifik dan falsafah.

8. Zaman seterusnya pendidikan untuk meningkatkan ilmu sains, mengatasi buta huruf dan mendapat jawatan kerajaan.

d) Tamadun China.

1. Matlamat pendidikan untuk lulus peperiksaan awam.

2. Tiga peringkat pendidikan ialah rendah, menengah, tinggi.

3. Peringkat rendah – mengenal/menghafal tulisan ideogram dan 9 buku suci.

4. Peringkat menengah – menumpukan karangan dan sastera.

5. Peringkat tinggi – menterjemah buku suci.

6. Peperiksaan awam 3 tahap – Hsiu Tai (ijazah pertama), Chun – Jen (sarjana) dan Chin Shih (doctor falsafah).

7. Peperiksaan tahap 1 di daerah, tahap 2 di ibu kota daerah dan tahap 3 di ibu kota empayar (di istana / di hadapan Maharaja).

8. Peluang kerjaya – menjadi pegawai kerajaan dan pada tahap 3 mereka akan menjadi pendidik.

9. Waktu peperiksaan – tahap 1(3 tahun 2 kali), tahap 2 dan 3 (3 tahun I kali).

(7) Falsafah

a) Tamadun Yunani.

1. Ahli falsafah seperti Herodotus, Socrates, Aristotle, Plato.

2. Isu utama – nilai individualisme, kehidupan manusia, demokrasi.

3. Herodotus ialah bapa sejarah, karyanya ialah „ History of Persian War?.

4. Thucydides seorang pengasas sejarah saintifik, karyanya ialah „ History of the Peloponnesia War?.

5. Falsafah Yunani mengajar manusia berfikir secara rasional dan sikap ingin tahu.

6. Plato dalam buku republik menyatakan masyarakat dan negara yang baik di perintah oleh ilmuan dan ahli falsafah.

7. Aristotle (guru Alexander the Great) – membincangkan cara berfikir yang teratur.

b) Tamadun Rom.

1. Mengambil falsafah Yunani contohnya falsafah Rom (stoisisme) diasaskan oleh Zeno (ahli Yunani).

2. Falsafah ini mengajar kebahagian dan nasib manusia bergantung kepada alam, penekanan kepada keadilan, tanggungjawab, keberanian dan perikemanusiaan.

c) Tamadun India.

1. Falsafah terawal di dunia direkod ialah falsafah India.

2. falsafah mereka bersumberkan kitab Veda seperti Rig Veda, Yajur Veda, Upanishad.

3. Falsafah bukan aliran Veda bersumberkan ajaran seperti Carvaka, Buddhisme.

d) Tamadun China.

1. Falsafah China menekan hubungan manusia dengan manusia. Sumber utama – Confucianisme, Taoisme, Mo Tzu, tetapi Mo Tzu (Mencius) menolak Confucianisme.

2. Mo Tzu menekankan hubungan manusia dengan alam sekitar.

3. Falsafah Legalisme pula berasaskan fahaman „?hanya undang – undang akan memberi nilai baik??.

(8) Sains dan Teknologi.

a) Tamadun Yunani.

1. Thales telah mengembangkan ilmu geometri Mesir Purba.
2. Pythagoras – memperkenalkan Teorem Pythagoras dan mengembangkan ilmu geometri Mesir Purba dan Babylon.
3. Hippocrates – Bapa Perubatan.
4. Archimedes – ahli matematik dan fizik, teorinya ialah isipadu air dan gravity.
5. Ptolemy – ahli astronomi Yunani.
6. Sistem angka Yunani ialah herodianic dan ionic.

b) Tamadun Rom.

1. Boethius – mendapat pengaruh matematik Yunani, beliau mengaitkan matematik dengan muzik, geometri, astronomi.
2. Ilmu pelayaran (ciptaan perahu layar) – memajukan perdagangan dengan Yunani, India dan China.

c) Tamadun India.

1. Ilmu astronomi diambil daripada kitab Rig Veda.
2. Ilmu matematik India seperti konsep geometri, angka Brahmin, angka Kharosti.
3. Ilmu perubatan – berkaitan dengan fisiologi (yoga).

d) Tamadun China.

1. China menganggap astronomi ialah ilmu sains negara.
2. Ilmu perubatan – berkaitan konsep Yin Yang (keseimbangan membolehkan manusia sihat).

(9) Seni Bina.

a) Tamadun Yunani.

1. Aeropolis oleh Pericles – atas tujuan keagamaan dan pusat kegiatan.

b) Tamadun Rom.

1. Aqueduct – bekalan air.
2. Colloseum – pahlawan bertarung dan teater.

c) Tamadun India.

1. Stupa Besar di Sanchi – tujuan keagamaan.
2. Great Bath – binaanya baik dan lengkap.
3. Kompleks kuil di Gua Ajantha dan Gua Ellora – bercirikan agama Buddha/Hindu.
4. Menara pelbagai bentuk – kon, kubah dan pagoda.

d) Tamadun China.

1. Tembok Besar China – kubu pertahanan sepanjang 1500 batu dari Kansu ke Peking.
2. Bandar purba tembok batu – Changan, anyang, Peking.
3. Mereka turut menggunakan tanah liat, batu – bata, pintu gerbang, parit besar, menara.
4. Kota Larangan – istana maharaja yang banyak dewan. (balai penghadapan, temapt hukuman, keraian) dan taman.
5. Kuil dan Pagoda – temapt tinggal, ruang tamu, pemujaan.

(10) Bahasa dan Kesusasteraan.

a) Tamadun Yunani.

1. Hesiod – penyair dan penulis puisi Theology dan Works and Days.
2. Homer – menghasilkan Lliad dan Odyssey.
3. Tulisan orang Phoenecia tersebar di Yunani (ditambah huruf vokal), kemudian ko Rom dan Asia Tenggara (huruf rumi).

b) Tamadun Rom.

1. Penulis dan penyajak patriotisme – Cicero dan Virgil

c) Tamadun India.

1. Masyarakat Dravidia – bahasa Telegu, Malayalam.

2. Masyarakat Indon – Arya – bahasa Sanskrit yang melahirkan bahsa Hindi, Urdu, Punjabi.

3. Sastera India terbahagi 3 iaitu vedik, epik dan sajak.

4. Epik Mahabharata dan Ramayana – mengenai tentera baik dan tentera jahat.

d) Tamadun China .

1. Wujud dialek – Mandarin, Wu, Hakka, Kantonis.

2. Ssu – ma Chien mencipta karya sastera prosa „?Shih Chi??

3. Tokoh puisi – Tu Fu, Li Po (semasa Dinasti Tang).

4. Ketika Dinasti Han – terpelajar perlu mampu bersajak.

(11) Sistem Sosial.

a) Tamadun Yunani.

1. Di Athens terbahagi 3 kumpulan – warganegara (ada hak politik), bukan warganegara dan hamba (tiada hak politik).

2. Di Sparta 3 kelas – warganegara tulen, pekerja/artisan/pedagang, helot (penguasaha tanah / majoriti).

b) Tamadun Rom.

1. Terbahagi tiga – warganegara (orang Rom), bukan warganegara (penduduk taklukan) dan hamba.

c) Tamadun India.

1. Sistem 4 kasta utama – Brahmin, Ksyatria, Vaisya, Sudra.

2. Perkahwinan lelaki/wanita dan bercampur gaul kasta berbeza tidak dibenarkan.

d) Tamadun China.

1. Terbahagi 3 kelas utama – atasan (pentadbir seperti maharaja dan keluarganya, bangsawan dan sida – sida), rakyat bawahan (petani, artisan), dan hamba.Kumpulan dua dan tiga ialah kumpulan sokongan.

2. Confiucius membahagikan 4kelas – teratas (sarjana/pegawai), ke-2(petani), ke-3(tukang), terbawah(pedagang).

3. Setiap individu boleh bertukar kelas.

(12) Sumbangan tamadun kepada dunia hari ini

a) Tamadun Yunani.

1. Demokrasi – rakyat terlibat secara langsung.
2. Kesan di Malaysia – demokrasi berparlimen.
3. Aristotle, Socrates, Plato menjadi rujukan falsafah moden.
4. Karya Iliad masih dirujuk.
5. Teknologi matematik dan sains masih diterima pakai.
6. Sukan Olimpik terus diadakan 4 tahun sekali hingga kini.

b) Tamadun Rom.

1. Republik- sistem 2 konsul.
2. Zaman kini di India, Perancis dan Afrika Selatan – mempunyai unsure demokrasi memilih president.
3. Aqueduct, Collosium menjadi sumber pelancongan.
4. Bahasa Latin digunakan agama Kristian.

c) Tamadun India.

1. Agama Buddha dan Hindu hingga kini.
2. Stupa, candi dan pagoda menjadi sumber pelancongan.
3. Bahasa Sanskrit digunakan agama Hindu/Buddha.
4. Karya Ramayana Mahabharata masih dirujuk.

d) Tamadun China.

1. Confucianisme dan Taoisme menjadi amalan hingga kini.
2. Tembok Besar China menjadi sumber pelancongan.
3. Mewariskan teknologi kertas dan tembikar.

4. Sistem peperiksaan awam diteruskan dan diubahsuia.

(13) Kemunculan Agama dan Ajaran Utama Dunia.

a) Agama Hindu

1. Perkataan Hindu mulanya merujuk penduduk di Sg Sindhu (Indus).
2. Kemunculan agama ini tidak dapat dikenalpasti. Dikatakan muncul ketika tamadun Indus dan kian jelas pada zaman Vedik dengan adanya kitab Veda (pegangan Hindu).
3. Percaya tuhan 3fungsi – Brahman (mencipta), Vishnu (memelihara) dan Siva (membinasa).
4. Enam aliran agama ini ialah Saivisme, Vaishnavisme, Saktham, Ganapathyam, Kaumaram dan Saura.
5. Hindu didominasi golongan Brahmin.
6. Zaman Gupta ialah zaman kegemilangan Hindu, zaman Maurya dan Asoka pula Buddha menjadi saingan Hindu.
7. Hukum Karma – berkaitan kelakuan manusia semasa hidup dan kelahiran semula selepas mati, kelahiran ini bergantung Karma (kelakuan baik/buruk ketika hidup).
8. Tujuan hidup untuk mencapai Moksya (kebebasan mutlak), sesiapa mencapai Moksya akan bersatu dengan tuhan dan tidak akan lahir ke dunia.
9. Syarat mencapai Moksya perlu berbuat bsik semasa hidup.

b) Agama Buddha

1. Diasaskan oleh Siddharta Gautama (dikenali Buddha).
2. Kemunculannya kesan penentangan golongan Ksyatria terhadap Brahmin dalam hal agama.
3. Sistem kasta yng ketat menyebabkan Gautama mencari kebenaran dengan bertapa di bawah pokok bodhi di Uruveda. Kebenaran yang di temuinya dipercayai akan melepaskan diri manusia daripada kesengsaraan.
4. Asas ajarannya ialah empat kebenaran mulia (kesengsaraan dan kepehitan hidup adalah lumra, kesengsaraan berpunca daripada nafsu memperoleh kekayaan, cara mengelak

kesengsaraan dengan mengatasi nafsu, cara menamatkan kesengsaraan dengan "Jalan Lapan Lapis Mulia").

5. Empat kebenaran dapat dicapai melalui lapan jalan, antaranya pengetahuan yang baik, membuat amalan suci seperti bersedekah.

6. Kegemilangan agama ini ketika zaman Asoka, ia menjadi agama rasmi kerajaan Maurya dan berkembang ke Tibet, Sri Lanka, Asia Tenggara dan China.

7. Agama ini menggunakan bahasa Pali dan kitab Tripitaka.

c) Agama Kristian.

1. Diasaskan oleh Jesus Crist yang berasal dari Jerusalem.
2. 25 Disember tarikh lahir Jesus (Hari Natal).
3. Dua kitab suci (Old Testament dan New Testament) dikenali sebagai Bible.
4. Pada mulanya agama ini mendapat tentagan orang Eropah termasuk pemerintah Rom. Sebelum kedatangan Kristian orang Eropah majoritinya adalah pagan (tiada agama).
5. Kristian diterima pada zaman Rom semasa pemerintahan Constantine. Beliau mengecualikan kerja berat kepada mereka yang menjalankan aktiviti agama ini.
6. Hari Ahad dikhaskan kepada aktiviti agama.
7. Agama ini terus berkembang dari Zaman Rom dikenali Empayar Kristian, kejatuhan Rom tidak meruntuhkan Kristian malah terus kukuh ketika Zaman Pertengahan.

d) Agama Islam.

1. Islam diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui malaikat Jibril di Gua Hira.
2. Islam ditentang oleh kaum Quraisy Makkah dan nabi pun berhijrah ke Madinah. Islam bertapak kuat bermula di sini.
3. Dua teras agama ini ialah akidah (keyakinan seluruh jiwa terhadap keesaan Allah) dan syariah (undang – undang yang terkandung dalam Al-Quran dan as – sunnah).
4. Orang Islam wajib yakin Rukun Iman dan Rukun Islam.

e) Confucianisme.

1. Diasaskan oleh Confucius yang lahir di Lu.

2. Beliau menjadi pegawai kerajaan di Lu, tetapi meletakkan jawatan – mengembara menyebar idea kepada orang China.

3. Beliau di sembah sebagai salah satu dewa orang China.

4. Ajarannya menekankan prinsip moral tinggi yang didapati daripada pendidikan seperti perimanusiaan (ren), kesusilaan (li), taat ibubapa (xiao).

f) Taoisme.

1. Pengasasnya Lao Tze yang lahir di Chu.

2. Bekerja di Chou kemudian mengembara menyebar idea.

3. Bukunya Tao Te Ching – mengandungi falsafah Taoisme.

4. Ajarannya seperti konsep Tao (jalan) – setiap tindakan ditentukan oleh Tao, maka manusia tidak boleh bertindak terhadap apa- apa yang berlaku pada alam (wu – wei), jika bertindak manusia akan merosakkan dunia.

BAB3 : TAMADUN AWAL ASIA TENGGARA.

(1) Petempatan Awal Asia Tenggara.

a) Pembahagian kerajaan awal Asia Tenggara.

1. Terbahagi dua iaitu kerajaan di Tanah Besar Asia Tenggara dan Kepulauan Asia Tenggara.
2. Kerajaan di Tanah Besar Asis Tenggara seperti kerajaan Funan, Angkor, Ayuthia.
3. Kerajaan di Kepulauan Asia Tenggara seperti kerajaan Kedah Tua, Langkasuka (di Tanah Melayu) dan Srivijaya.Majapahit (di Kepulauan Indonesia).

b) Bilakah munculnya petempatan dan kerajaan awal.

1. Sumber bertulis dan artifak arkeologi digunakan untuk menentukan jangka masa kemunculan sesuatu kerajaan.
2. Kerajaan terawal adalah Funan (dikatakan abad ke-2 M), buktinya jumpaan langgam seni arca di sini dipengaruhi langgam seni arca Amravati India.
3. Hubungan awal dengan China berbentuk diplomatik.
4. Hubungan awal dengan India berbentuk kebudayaan.

5. Hubungan perdagangan antarabangsa berlaku sejak zaman logam buktinya jumpaan gendang gangsa di Dongson (Vietnam), Batu Buruk (Terangganu), Sg.Klang (Selangor).
6. Hubungan perdagangan dengan Rom juga berlaku buktinya jumpaan manik di Kota Tinggi dan Muar (Johor).
7. Bijih Timah telah diproses menjadi gendang gangsa di Dongson dan menjadi pelabuhan pembekal.
8. Kebanyakan petempatan awal ini belum boleh ditakrif sebagai kerajaan kerana masih belum menpunyai raja.
9. Walau bagaimanapun perdagangan maritim berkembang seiring dengan kemahiran membuat kapal layar dan perahu.
10. Jumpaan manik dan tembikar membuktikan perdagangan maritime berlaku sejak abad ke –5 SM tetapi kerajaan awal Asia Tenggara hanya muncul pada abad ke –2 M.

(2) Ekonomi kerajaan awal Asia Tenggara

a) Bentuk – bentuk kerajaan awal Asia Tenggara.

1. Kerajaan Agraria – berasaskan pertanian, penternakan, memungut hasil hutan dan laut.
2. Kerajaan agraria ini muncul di tanah subur seperti kerajaan Dvaravati di Sg Irrawady (Myanmar), Kerajaan di lereng bukit dan tanah gunung berapi – kerajaan Taruma (Indonesia).
3. Kerajaan maritim – berasaskan perdagangan, kelautan dan perlabuhan. Ia terletak di pesisiran pantai, lembah sungai dan kepulauan seperti Srivijaya di Sg Musi (Sumatera), Kedah Tua di Sg Mudadan Merbok (Kedah), Tiumah di Pulau Tioman (Pahang).
4. Terdapat juga kerajaan agraria yang berkembang menjadi kerajaan maritim contohnya Funan.

b) Kegiatan ekonomi kerajaan agraria.

1. Padi sawah di lembah sungai kerana bekalan air cukup.
2. Padi huma di tanah tinggi dan bukit dibuat teres dan relung kerana kurang air.
3. Tanaman sampingan seperti jagung, pisang, keledek.
4. Hasil hutan seperti kayu gaharu, damar, buah- buahan.

5. Hasil rempah seperti cengkih, lada hitam.
6. Sarang burung diambil dari gua untuk perdagangan.
7. Menangkap ikan di sawah, sungai, paya.
8. Kura – kura mendapatkan kulitnya.
9. Menternak seperti lembu, kerbau, kambing, ayam.
10. Bermula dengan sara diri, kemudian terdapat lebihan hasil dijual kepada penduduk Bandar atau kerajaan maritim.
11. Sistem pengairan amat penting dalam pertanian contoh Tasik Tonle Sap dan Sg Mekong di Angkor.

c) Kegiatan pertanian kerajaan agraria Angkor.

1. Raja Angkor (Indravarman 1) membina dan mengurus pengairan dan baray, kesannya hasil padi menampung keperluan makanan penduduk Angkor.
2. Bekalan air diterima dari Sg Mekong yang mengalir ke Tasik Tonle Sap dan menyuburkan tanah.
3. Tasik ini turut mengairi sawah padi.
4. Tasik Tonle Sap juga membekalkan ikan air tawar.
5. Tasik ini amat penting untuk bekalan air minuman.

d) Kegiatan ekonomi kerajaan maritim.

1. Kerajaan ini terletak di pesisir pantai dan kepulauan.
2. Peringkat awal – menangkap ikan, memungut hasil laut.
3. Kemudian menjadi perkampungan nelayan.
4. Ada yang berkembang menjadi pengeluar emas, bijih timah.
5. Hasil lebihan telah didagangkan – maka petempatan ini menjadi tempat dagang dan pelabuhan pembekal seperti Klang (Selangor), Kuala Selinsing (Perak).
6. Pelabuhan ini disinggahi pedagang untuk mendapatkan barangan – emas, timah, rotan, damar, hasil laut.
7. Pelabuhan pembekal maju menjadi pelabuhan kerajaan seperti Kedah Tua, Langkasuka, Srivijaya.

8. Mulanya pelabuhan ini berdagang di kawasan berhampiran kemudian berkembang, contohnya Langkasuka dan Champa akhirnya berdagang dengan Vietnam, China Selatan, hingga ke India dan barat.
9. Pelabuhan entrepot muncul kerana kedudukannya yang strategik contohnya Kedah Tua dan Srivijaya yang terletak yang terletak di Selat Melaka dan Selat Sunda serta menjadi laluan perdagangan atara China dan India. Ini juga mendorong kedatangan pedagang ke dua – dua negara ke situ.
10. Bekalan pelabuhan entrepot seperti emas, timah, hasil hutan, dan hasil dari kerajaan lain di sekitarnya.
11. Emas menjadi tumpuan sehingga Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera dikenali Semenanjung Emas dan Bumi Emas – orang Yunani dan India telah mengetahui tentang kekayaan emas di sini sejak awal abad masihi lagi.
12. Penduduk maritim yang terdiri daripada orang tempatan, orang laut dan orang dagang luar ini menggunakan bahasa Melayu sebagai lingua franca.
13. Orang Melayu terkenal sebagai pelaut, pedagang, peneroka dan mempunyai pelabuhan yang lengkap dengan kemudahan seperti di Champa dan Srivijaya.
14. Mereka mampu belayar kerana berkemahiran membuat perahu (jarak dekat) dan kapal layar (jarak jauh).
15. Mereka juga tahu menggunakan kaedah bintang di langit.

e) Ciri – ciri kerajaan maritim Srivijaya.

1. Terletak di Sg. Musi dan Batang Hari.
2. Memiliki tentera yang besar, terdiri daripada pelbagai golongan rakyat termasuk orang laut. Mereka mengawal keselamatan dan perdagangan di Selat Melaka.
3. Kapal dagang dalam perjalanan antara China dan India singgah di sini kerana kedudukan pelabuhannya strategik di Selat Melaka.
4. Bekalan barang dagang dibekalkan dari kawasan pemerintahannya dan jajahan takluknya.
5. Menurut I Tsing Sivijaya mampu menghasilkan kapal besar.

f) Ciri – ciri kerajaan Kedah Tua/Chieh-cha/Kataha.

1. Terletak di Sg. Mas (pada abad ke-5 hingga 11 – menganut agama Buddha) dan di lembah Sg. Bujang (abad ke –11 hingga 13 – menganut agama Hindu).
2. Buktinya ialah jumpaan candi berunsur Hindu/Buddha dan arca Hindu/Buddha.
3. Merupakan pelabuhan enterpot yang banyak dipengaruhi Srivijaya, buktinya jumpaan tembikar China zaman Dinasti Tang, Song dan Yuan, pelita tembaga dan tembikar dari Timur Tengah, manik dari India, Sri Lanka dan Myanmar.
4. Gunung Jerai menjadi panduan kapal dagang ke sini.
5. Kedudukan strategik di laluan Selat Melaka dan terlindung dari angin monsun memajukan pelabuhannya.
6. Pelabuhannya mempunyai tempat menyimpan barang dagang seperti damar, rotan, timah.
7. Barang dagang juga dibawa dari luar seperti sutera, teh, kaca, manik, tembikar.

g) Konsep saling bergantung dan melengkapi antara kerajaan agraria dan maritim.

1. Penduduk agraria yang ramai penduduk (seperti Sailendra) menghasilkan beras banyak untuk dibekalkan kepada kerajaan maritim, sebaliknya kerajaan agraria memerlukan kerajaan maritim untuk mendapatkan barang mewah China/India seperti tembikar, tekstil, gelas dan manik.
2. Kerajaan agraria membekalkan makanan dan hasil hutan sebagai barang pertukaran.
3. Kerajaan maritim membina kapal dengan mendapatkan kayu yang baik daripada tukang kayu agraria (seperti kayu kerajaan Pegu).
4. Gajah yang menjadi kenderaan raja maritim juga didapati daripada kerajaan agraria di Siam.

(3) pengaruh agama Hindu /Buddha dalam kerajaan awal.

a) Proses permulaan kedatangan pengaruh Hindu/Buddha.

1. Peranan Ksyatria atau tentera – melalui penaklukan.
2. Peranan pedagang atau Vaisya.
3. Peranan Brahmin atau pendeta.
4. Penyesuaian budaya India yang menarik sahaja dengan budaya tempatan berlaku, buktinya arca bercirikan Asia Tenggara di Srivijaya – ikatan tali kulit harimau hanya ada di Srivijaya.
5. Aspek Hindu/Buddha yang diambil berbeza antara seoang pemerintah di Asia tenggara dengan pemerintah Asia Tenggara yang lain – di Kedah Tua(Buddha), Dieng di Indonesia (Hindu), Pulau Bangka (Hindu mazhab Vishnu).
6. Pengaruh Hindu/Buddha berlaku serentak dengan hubungan perdagangan, apabila Rom menghentikan perdagangan emas ke India maka India beralih mendapat emas di Asia Tenggara.

b) Pengaruh Hindu/Buddha dalam sistem pemerintahan.

1. Gelaran raja bermula selepas kedatangan pengaruh sistem beraja India. Di bawah raja ialah kerabat diraja dan pembesar termasuk ahli agama seperti Brahmin. Selepas itu rakyat dan hamba (bawah sekali).
2. Raja berkuasa mutlak dalam semua hal, perintahnya menjadi undang – undang, menentangnya dianggap derhaka. Walau bagaimanapun raja harus adil kepada golongan diperintah.
3. Rakyat takut derhaka maca muncul konsep dewa-raja yang mempuntai sakti. Unsure mitos dan lagenda digunakan untuk memperkuatkan kedudukan pemerintahannya.
4. Upacara pertabalan dipimpin oleh Brahmin bertujuan membezakan kedudukan raja daripada golongan diperintah.
5. Raja yang terpengaruh sistem Buddha/Hindu membina kompleks kota yang melambangkan alam semesta (orde kosmos). Negara dianggap alam semesta, raja dan ibu kota ialah pusat alam (pusat pemerintahan), maka raja perlu mengatur kesejahteraan negara dan rakyat (alam semesta).

c) Pengaruh Hindu/Buddha dalam pemerintahan Angkor.

1. Angkor Wat dibina oleh Raja Suryavaram II.
2. Raja dianggap raja dewa.
3. Raja dibantu pembesar atau gabenor di daerah.

4. Brahmin pula berperanan dalam upacara agama.

5. Raja juga dibantu oleh pembesar dikalangan pegawai tentera dan hakim.

d) Pengaruh Hindu/Buddha dalam pemerintahan Srivijaya.

1. Pengaruh yang muncul ialah agama Buddha Mahayana.
2. Raja dibantu pentadbiran pusat dan daerah.
3. Pentadbiran pusat terdapat 4 kumpulan anak raja iaitu yuvaraja, pratiyuvaraja, raja kumara dan raja putra. Seorang daripada mereka bakal menggantikan raja kecuali raja putra kerana beliau anak gundik.
4. Di bawah anak raja ialah ketua pentadbiran pusat (parvanda atau senapati), seterusnya pegawai lain seperti haim, temenggung dan penghulu.
5. Kedudukan hamba terletak paling bawah sekali.
6. Pentadbiran daerah ditadbir oleh Datu (dilantik raja) dan bhupati (orang-orang kaya).
7. Datu perlu bersumpah taat setia di Telaga batu Palembang, berdasarkan bukti jumpaan batu bersurat di situ.

e) Pengaruh Hindu/Buddha dalam kesenian monumen.

1. Monumen ialah binaan/bangunan daripada batu untuk memperingati orang ternama atau peristiwa penting seperti candi/kuil, wat/stupa, arca dan patung.
2. Candi – berperanan sebagai rumah ibadat, menyimpan abu jenazah raja dan keluarganya, menyimpan patung dewa utama dan lambing kehebatan raja.
3. Angkor wat dan Borobudur melambangkan order kosmos.
4. Rumah ibadat di Thailand, Kemboja, Vietnam disebut wat, tetapi di Burma disebut stupa, di Indonesia disebut candi.
5. Candi Dieng dan Prambanan di Indonesia untuk agama Hindu, tetapi candi seperti Chaiya dan Yarang di Thailand untuk agama Buddha.
6. Patung Hindu seperti patung dewa Siva, Brahma, Durga.
7. Patung Buddha seperti patung Avalokitesvara.
8. Candi dan patung di Asia Tenggara hasil campuran gaya tempatan dan India. Antara pengaruh India tersebut ialah patung zaman Dinasti Gupta.

f) Pengaruh Hindu dalam kesenian Angkor Wat.

1. Angkor Wat dibina di siem Reap untuk agama Hindu.
2. Candi ini mempunyai tempat pemujaan, menara, tembok.
3. Ia juga mempunyai ukiran Ramayana dan Mahabrata.

g) Pengaruh Buddha dalam kesenian Borobudur.

1. Candi di Jawa Tengah ini untuk agama Buddha Mahayana.
2. Ia mempunyai 3 tingkat iaitu sila, samadhi dan panna, setiap tingkat dwakili oleh patung stupa dan patung Buddha.
3. Di tingkat pertama diukir cerita Gautama Buddha.

h) Pengaruh Hindu/Buddha dalam kesenian candi Lembah Bujang.

1. Candi Lembah Bujang terdapat di Bukit Batu Pahat Pendiat dan Pangkalan Bujang.
2. Candi Hindu – terbahagi 2 iaitu Vimana (bahagian suci tempat arca keagamaan) dan Mandapa (bahagian luar).
3. Candi Buddha – memiliki pelan jenis cruciform.

i) Pengaruh bahasa Sankrit.

1. Bidang intelektual – batu bersurat tulisan sankrit mengandungi maklumat agama, pemerintahan, raja. Contohnya di Kutei tentang keturunan raja, di Sg Mas Kedah Tua mengenai agama Buddha.
2. Inskripsi di Palembang memaparkan kemahiran pahat batu yang tinggi – penulisnya mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa sankrit.
3. Bahasa sankrit ini juga digunakan dalam kitab – kitab keagamaan dan bahasa.
4. Bahasa sankrit telah disesuaikan dalam bahasa Melayu seperti perkataan dukkha (duka), dorhaka (derhaka).
5. Bahasa sankrit juga terdapat dalam kitab sastera Hindu, Buddha, Tamil.
6. Bahasa ini menjadi bahan ilmu dan komunikasi kerajaan awal Asia Tenggara.

j) Pengaruh Hindu/Buddha dalam kesusasteraan.

1. Pengaruhnya terdapat dalam epik Ramayana dan Mahabhrata serta Puranas (sastera klasik Asia Tenggara).
2. Pengaruh dalam puisi dan prosa Jawa seperti Nagarakertagama, Sutasoma.
3. Epik disampaikan melalui kesusasteraan, cerita lisan dan teater seperti wayang kulit.
4. Karya Mahabrata diadun dengan unsur tempatan seperti Hikayat Pendawa Lima, Hikayat Pendawa Jaya.
5. Karya Ramayana pula melahirkan HikayatSeri Rama.

BAB 4 : KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MAKKAH.

(1) Zaman Masyarakat Arab Jahiliah.

a) Apakah pengertian Jahiliah.

1. Jahiliah daripada bahasa Arab iaitu jahala bermaksud jahil, tidak mengetahui atau tiada ilmu pengetahuan.

2. Masyarakat Arab Jahiliah ialah masyarakat yang hidup di Semenanjung Tanah Arab selepas runtuhnya empangan Maarib di Sabak hingga turunnya wahyu Allah s.w. kepada Nabi Muhammad s.a.w.

3. Mereka tidak menerima ajaran para nabi dan rasul sebelumnya seperti Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Musa, Nabi Isa.

4. Zaman ini dianggap zaman kegelapan kerana mereka tidak menyembah Allah Taala, mereka menyembah berhala dan menyembah anismisme.

5. Mereka juga tiada nabi, rasul dan kitab suci.

6. Akhlak mereka rendah – kejam, angkuh, degil.

b) Ciri – ciri masyarakat Arab Jahiliah.

1. Dua golongan iaitu Badwi (tinggal di gurun dan pendalaman) dan Hadari (tinggal dipesisiran pantai).

2. Mengamalkan perbuatan tidak bermoral – judi, zina, arak.

3. Pemabuk dianggap telah menjadi lelaki sempurna.

4. Wanita dipandang rendah – tidak mewarisi harta ibu bapa, bayi perempuan ditanam hidup – hidup (dianggap menjatuhkan maruah keluarga).

5. Lelaki boleh berkahwin dengan beberapa wanita dan sesiapa sahaja yang disukai.

6. Perniagaan – berasaskan riba, merompak/merampas satu kewajipan, orang kaya menindas orang miskin.

7. Kepercayaan – menyembah berhala, pokok, menilik nasib.

8. Agama samawi – Kristian, Yahudi, Hanif.

9. Sistem kabilah – berpuak – puak dalam suku tertentu, sangat taksub/fanatik dengan suku sendiri, diketuai oleh syeikh (seseorang yang disukai, dipersetujui ramai, berani, gagah).

10. Semangat assabiah – semangat kesukuan melampau, terikat dengan peraturan kabilah, sanggup menuntun bela demi diri dan kabilah.

11. Keadaan geografi panas kering kontang- menbawa sikap ingin berperang, kacau – bilau contohnya perang al – Basus.

(2) Nabi Muhammad s.a.w. sebelum menjadi rasul.

a) Kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. sebelum menjadi rasul.

1. Nabi keturunan Qusai bin Kilab (pemimpin Arab Quraisy).
2. Keluarga nabi mengusai Makkah, Kaabah, telaga zamzam.
3. Keturunan nabi bijak mentadbir Makkah dan bijak berniaga.
4. Bapa baginda ialah Abdullah bin Abdul Muttalib, ibunya ialah Aminah bt. Wahab.
5. Nabi dilahirkan pada tahun 570 M (Tahun Gajah) di rumah datuknya dan diberi nama Muhammad bermaksud terpuji.
6. Bapa nabi meninggal dunia ketika nabi dalam kandungan
7. Nabi menyusu dengan Halimatus Sa'diyah.
8. Pada usia 6 tahun ibu nabi meninggal dunia dan nabi dipelihara oleh datuknya. Kemudian datuknya meninggal dunia lalu dipelihara pula oleh datuk saudaranya Abu Talib.
9. Pengalaman hidup – mengembala kambing bapa saudaranya, berniaga di Syam (usia 12 tahun).

10. Kerasulan nabi telah diramal oleh pendeta Nasrani bernama Buhaira ketika rombongan perniagaannya singgah di Basrah.
11. Kemudiannya baginda menjalankan perniagaan Khadijah bt Khuwalid bersama – sama Maisarah (hamba Khadijah). Sifat terpuji baginda menyebabkan keuntungan berlipat kali ganda. Akhirnya nabi berkahwin dengan Khadijah.

b) Keperibadian Nabi Muhammad s.a.w.

1. Empat sifat terpuji nabi ialah benar, dipercayai, menyampaikan dan bijaksana.
2. Nabi digelar Al – Amin kerana dipercayai dan tidak pernah berbohong.
3. Sifat amanah menyebabkan Khadijah memberi modal yang besar kepada nabi.
4. Sifat kepimpinan baginda dilihat ketika menyelesaikan persengketaan meletakkan batu Hajar Aswad.
5. Nabi ketua keluarga contoh – membantu isteri memasak, menampal kain koyak, melayan anak.
6. Anak diberi pendidikan agama dan nabi menjadi teladan kepada anak – anak.
7. Baginda merendah diri – bergaul dengan orang kaya, miskin, tua, kanak – kanak.
8. Sifat pemaaf – contohnya mengampunkan kaum Quraisy ketika membuka semula Kota Makkah.
9. Sifat bijaksana – Perjanjian Hudaibiyah yang berat sebelah akhirnya menyebarkan agama Islam.
10. Bertahannuth (mengasingkan diri beribadat) – di Gua Hirak.
11. Baginda sabar dan tabah mendaki Gua Hirak, di Bukit Nur.
12. Pada tahun 610 M menerima wahyu pertama.

(3) Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan Islam di Makkah.

a) Kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

1. Wahyu pertama – surah al – Alaq 1 – 5 yang memerintahkan umat Islam membaca. Islam menggalakkan umatnya membaca dan membuat kajian. Ilmu yang dituntut mestilah ilmu yang membina masyarakat.
2. Wahyu kedua – surah al – Muddasir ayat 1 – 7 yang mengisytiharkan nabi sebagai rasulullah dan wajib menyampaikan Islam kepada seluruh manusia.
3. Selepas itu nabi terus menerima wahyu dan menyebarkannya.
4. Perkara utama yang ditekankan ketika ini ialah akidah.

b) Cara penyebaran Islam di Makkah.

1. Pada mula secara rahsia selama 3 tahun – ditujukan pada ahli keluarga nabi, para sahabat, dan kaum kerabat.
2. Secara terbuka selama 10 tahun – cara terang – terangan selepas menerima perintah Allah.
3. Pengislaman secara rahsia – Khadijah bt Khuwailid (isteri), Ali b. Abu Talib (10 tahun – sepupu), Abu Bakar al – Siddiq (sahabat baginda yang kemudiannya mengislamkan Uthman b. Affan dan al – Arqam b. Abu Arqam yang menjadikan rumahnya pusat kegiatan Islam di Makkah).
4. Pengislaman secara terbuka – kepada keluarga Abdul Muttalib, ceramah di rumah Ali bin Abu Talib tetapi ditolak kuat oleh Abu Lahab (bapa saudara nabi).

c) Penerimaan terhadap Islam peringkat awal.

1. Ahli keluarga menerima secara rahsia (jumlahnya kecil).
2. Hamba memeluk Islam kerana layanan yang sama oleh Islam seperti Bilal b. Rabah, keluarga Yassir.
3. Mereka diseksa – Bilal dijerut lehernya oleh tuannya, Yassir dan isterinya dijemur di padang pasir hingga mati syahid.
4. Nabi menyebarkan Islam secara berhikmah dan lemah – lembut, tiada paksaan untuk memeluk Islam.

5. Nabi menanamkan iman yang kuat, harta bukan ukuran tetapi kesabaran dan pengorbanan yang diutamakan.
6. Nabi menunjukkan teladan positif – berakhlak mulia, kuat mental, fizikal, rohani dalam mencari kejayaan.

d) Penentangan terhadap Islam peringkat awal.

1. Cara penentangan ialah dengan menggangu baginda ketika bersembahyang (meletakkan benda kotor di tengkuk nabi), mencemuh dan ingin membunuh nabi.
2. Faktor penentangan kerana perbezaan kepercayaan antara Islam (menyembah Allah) dan Quraisy (menyembah patung).
3. Islam ditentang kerana pertentangan sistem sosial seperti konsep persamaan taraf dan perbezaan darjat, konsep persaudaraan dan assabiah, amalan keji seperti mencuri dikeji Islam tetapi diterima Quraisy.
4. Quraisy menanggap menerima Islam bermakna tunduk kepada kepimpinan nabi maka kuasa politik akan terganggu.
5. Dari segi ekonomi penerimaan Islam akan mengugat perusahaan membuat patung.
6. Penentangan juga dilakukan melalui syair Quraisy.
7. Quraisy juga merasuah nabi dengan wanita cantik dan harta tetapi ditolak baginda.
8. Nabi sekeluarga juga pernah dipulaukan selama 3 tahun tetapi dilindungi oleh Abu Talib.
9. Nabi juga dibantu oleh wanita seperti Khadijah, Aisyah, Ummu Salamah dalam menghadapi cabaran sama ada di Makkah mahupun di Madinah.

e) Nabi Muhammad s.a.w. menyelesaikan masalah.

1. Penentangan kian hebat selepas Abu Talib dan khadijah meninggal dunia.
2. Nabi membenarkan orang Islam mendapatkan pelindungan di Habsyah.
3. Nabi dan Zaid Harithah ke Taif tetapi kurang berkesan.
4. Nabi tetap sabar sehingga akhirnya berhijrah ke Madinah.
5. Penghijrahan ke Madinah setelah menerima perintah Allah dan telah dijemput oleh suku Aus dan Khazraj.

BAB 5 : KERAJAAN ISLAM DI MADINAH.

(1) Peristiwa penghijrahan ke Madinah.

a) Kedudukan penduduk Madinah sebelum hijrah.

1. Madinah terletak di utara Makkah di tengah – tengah perjalanan jalan dagang antara Makkah dan Syam.

2. Tiga golongan pendudukannya – Nasrani, Yahudi dan Arab.

3. Tiga golongan Yahudi – Bani Quraizah, Qunaiqa', Nadhir.

4. Dua golongan Arab – suku Aus dan Khazraj.

5. Masalah politik dan ekonomi kerap berlaku antara mereka.

b) Perjanjian Aqabah 1 dan 2.

1. Ketika di Makkah beberapa orang suku Khazraj berjumpa nabi dan memeluk Islam, selepas kembali mereka menyebarkan Islam di Madinah.

2. Pada tshun berikutnya (621 M), suku Aus dan Khazraj menemui nabi lagi dan membuat perjanjian Aqabah 1.

3. Isi perjanjiannya – suku Aus/Khazraj beriman kepada Allah dan Rasul. Mereka berjanji membantu nabi. Mereka tidak melakukan amalan jahiliah seperti mencuri, minum arak.

4. Selepas perjanjian ini nabi menghantar Mus'ab b. Umair ke Madinah menyebarkan Islam di sana.

5. Pada tahun 622 M, suku Aus dan Khazraj menandatangani Perjanjian Aqabah 2, isi kandungannya – suku Aus/Khazraj memeluk Islam dan mengaku taat setia kepada nabi.

Mereka menjemput nabi dan orang Islam berhijrah ke Madinah. Mereka akan menyediakan tempat tinggal, keselamatan dan mempertahankan Islam.

c) Perjalanan hijrah nabi Muhammad.

1. Berlaku pada 1 Rabiulawal bersamaan 12 September 622M.
2. Ia berlaku secara senyap dan berperingkat – peringkat.
3. Nabi berhijrah selepas penghijrahan orang Islam lain.
4. Perjalanan hijrah Nabi ditemani oleh Abu Bakar selama 12 hari.
5. Umar al-Khattab berhijrah dengan terang – terangan, bersendirian dan dengan berani.

d) Konsep hijrah.

1. Perkataan arab bermaksud berpindah (perpindahan dari Makkah ke Madinah untuk mengukuhkan Islam).
2. Pengertian lebih luas – menegakkan kebenaran, meninggalkan keburukkan dan kejahatan, perubahan sikap, cara berfikir, dan tingkah laku.
3. Tafsiran orientalis barat, hijrah ialah pelarian. Ia disangkal oleh Islam kerana orang Islam dijemput oleh penduduk Madinah, ketibaan disambut rela penduduk Madinah, diberi tempat tinggal dan dijamin keselamatan, nabi diterima semua penduduk termasuk orang bukan Islam.

e) Bagaimana Nabi melepaskan diri dari Makkah ke Madinah.

1. Hijrah bermula apabila nabi melepasi kepungan Quraisy di rumah bagnda. Ali telah tidur di tempat tidur nabi dan menggunakan selimut nabi.
2. Kemudian nabi berjumpa Abu Bakar memeberitahu perintah Allah agar berhijrah. Mereka berdua bersembunyi di Gua Thur. Perjalanan seterusnya dipandu Abdullah b. Arqat.

f) Apakah sebab dan tujuan hijrah.

1. Perintah Allah melalui wahyu yang menyatakan niat orang Quraisy ingin membunuh nabi.
2. Allah memerintahkan nabi agar segera berhijrah ke Madinah.

3. Ancaman di Makkah menjejaskan penyebaran Islam, maka suasana aman di Madinah memudahkan penyebaran Islam.

4. Suku Auz dan Khazraj sering bertelagah dan ekonomi mereka dikuasai orang yahudi. Maka mereka memerlukan pemimpin seperti nabi untuk mendamaikan hidup mereka.

g) Apakah kepentingan hijrah.

1. Dakwah Islam dapat disebarkan secara aman dan terang.
2. Mempersaudarakan suku Arab Madinah (Aus dan Khazraj).
3. Mempersaudarakan orang Islam Madinah dan Makkah.
4. Orang Makkah yang berhijrah ke Madinah digelar Muhajirin dan orang Madinah digelar Ansar.
5. Menyatukan penduduk pelbagai suku, budaya dan agama di Madinah.
6. Nabi membina masjid al-Nabai – masjid menjadi temapt beribadat, belajar bertemu dan berbincang, di persekitaran masjid aktiviti harian dijalankan seperti jual beli.
7. Takwim hijrah sempena peristiwa hijrah digunakan bermula dari pemerintahan Khalifah Umar.
8. Nama Yathrib ditkar kepada Madinah al-Munawwarah bermaksud kota bercahaya.
9. Hijrah membawa sikap toleransi, tolong – menolong. contohnya orang Islam Makkah dibantu oleh orang Madinah.

10. Hijrah dibantu pengorbanan harta dan nyawa para sahabat seperti Abu Bakar, Ali dan Abdul Rahman Auf.

11. Wanita juga sanggup berkorban seperti Asma' puteri Abu Bakar ke Gua Thur menghantar makanan dan berita.

12. Hijrah menunjukan ketabahan nabi meninggalkan kesenangan hidup dan tidak berputus asa.

13. Hijrah menunjukkan kebijaksanaan nabi yang tidak terus ke Madinah tetapi bersembunyi dahulu di Gua Thur.

(2) Piagam Madinah/Sahifah Madinah.

a) Latar belakang piagam Madinah.

1. Piagam ini dirangka oleh nabi berpandukan wahyu daripada Allah.
2. Ia mencatatkan tanggungjawab ketua negara dan rakyat.
3. Ia juga hasil persetujuan orang Islam dan bukan Islam.
4. 23 fasal tentang orang Islam dan tanggungjawabnya.

5. 24 fasal tentang tanggungjawab orang bukan Islam termasuk Yahudi terhadap negara Madinah.
6. Perlembagaan ini ialah perlembagaan bertulis pertama digubal di dunia.

b) Apakah kandungan Piagam Madinah.

1. Politik – nabi ialah pemimpin semua penduduk Madinah, nabi juga ketua hakim berlandaskan musyawarah dan adil.
2. Agama – bebas memilih dan mengamal agama tanpa gangguan penganut lain, dan tiada paksaan memeluk Islam.
3. Sosial – masyarakat Madinah dianggap ummah, bersatu padu dan bekerjasama tanpa mengira bangsa.
4. Undang – undang Islam – dilaksanakan secara menyeluruh tetapi peraturan keluarga yang sesuai dengan Islam boleh diamalkan. Hukuman dikenakan adalah adil.
5. Ekonomi – riba dan penindasan dilarang, tiada diskriminasi.
6. Pertahanan – semua penduduk diwajibkan memepertahankan Madinah dari ancaman musuh.
7. Kedudukan orang Yahudi mempunyai hak yang sama, hak kebebasan, hak keselamatan, selagi mematuhi Piagam Madinah.

c) Apakah kepentingan Piagam Madinah.

1. Model pemerintahan berasaskan Islam – agama Islam boleh dilaksanakan dalam negara berbilang agama dan bangsa.
2. Kandungannya merangkumi peraturan dunia dan akhirat.
3. Dari segi ekonomi amalan riba, menipu tidak dibenarkan, sebaliknya sedekah, keadilan ekonomi digalakkan.
4. Nabi berjaya membentuk masyarakat berasaskan ummah, nilai yang ditanamkan ialah ukhuwah Islamiah.
5. Konsep keadilan sosial – Islam menekankan persamaan dan persaudaraan, tiada perbezaan taraf dalam masyarakat.
6. Nabi mempraktikkan amalan positif seperti perpaduan, rela berkorban, Bantu – membantu.

7. Syariah Islam yang adil sesuai diikutioleh semua masyarakat.
8. Nabi menyusun perlembagaan dahulu sebelum membentuk kerajaan.
9. Pemerintahan Islam meletakkan Allah kuasa tertinggi.
10. Orang Yahudi tidak boleh menindas kaum Arab.
11. Semua bangsa mesti mematuhi peraturan.
12. Semua penduduk harus mempertahankan negara Islam.

d) Apakah strategi negara Islam Madinah dalam menyebarkan Islam.

1. Quraisy Makkah mencari sokongan orang Arab dan Yahudi di Tanah Arab bagi menentang Islam di Madinah.
2. Strategi baginda pula dengan menyebarkan Islam secara meluas seperti di Rom, Parsi, Mesir.
3. Nabi menghantar perutusan ke sana untuk memeluk Islam.
4. Nabi menggunakan kaedah diplomasi dengan mewujudkan persefahaman antara negara disamping menyebarkan Islam.
5. Serangan Quraisy kepada kabilah Islam akhirnya membawa perang, tetapi perang dalam Islam untuk maruah diri, agama dan negara. Perang hanya dilakukan selepas turunnya wahyu Allah menbenarkannya.

e) Konsep perang dalam Islam.

1. Antara siri perang Islam di Madinah seperti Perang Badar, Uhud, Khandak dan Tabuk.

2. Allah memberi izin perang setelah diserang Quraisy.

3. Prinsip perang dalam Islam ialah berperang apabila diserang musuh, mencari keamanan agar tempat ibadat terjaga, menentang kezaliman dan mempertahankan diri.

4. Sekira musuh Islam inginkan pendamaian, maka umat Islam perlu memilih pendamaian.

5. Perang antara orang Islam dengan Quraisy Makkah tidak memaksa musuh memeluk Islam, penerimaan agama Islam adalah secara suka rela.

6. Dalam Perang Badar, walaupun Islam menang, tawanan wanita dan kanak – kanak dibebaskan, tawanan lelaki dibebeaskan jika berjaya mengajar 10 orang kanak – kanak Islam sehingga pandai.

7. Tentera Islam yang berperang dilarang membunuh sesuka hati termasuk memusnahkan tumbuhan.

8. Kesannya lebih ramai memeluk Islam selepas Perang Badar.

(3) Perjanjian Hudaibiah.

a) Latar belakang berlakunya Perjanjian Hudaibiah.

1. Pada tahun 628 M, umat Islam berhasrat menziarahi Makkah tempat asal mujahirin dan mengerjakan umrah.
2. Mereka disekat oleh Arab Quraisy di Hudaibiyah keranaQuraisy merasa maruah mereka tercabar.
3. Pihak Islam menghantar utusannya iaitu Uthman Affan menerangkan tujuan sebenar mereka datang.
4. Tetapi Quraisy enggan menerimanya. Kemudiannya Quraisy bimbang, lalu menghantar Suhail b. Amru memeterai Perjanjian Hudaibiah.
5. Mulanya para sahabat tidak menerima perjanjian ini yang dianggap berat sebelah, tetapi menerimanya sebagai pengajaran yang besar.

b) Apakah kandungan Hudaibiah.

1. Genjatan senjata selama 10 tahun.
2. Kabilah Arab lain bebas memihak kepada pihak Islam Madinah atau Quraisy Makkah.
3. Orang Islam Madinah yang memihak ke Makkkah tanpa kebenaran penjaganya tidak perlu dipulangkan.
4. Orang Quraisy Makkah yang memihak ke Madinah tanpa kebenaran penjaganya akan dipulangkan.
5. Umat Islam boleh mengerjakan umrah tahun berikutnya.

c) Apakah kepentingan Perjanjian Hudaibiah.

1. Memberi umat Islam menunaikan haji.
2. Memberi kebebasan umat Islam ke Makkah dan menunaikan ibadat di Kaabah.
3. Tempoh pendamaian ini memberi peluang kepada dakwah Islamiah ke seluruh Tanah Arab tanpa gangguan Quraisy.
4. Perjanjian memberi gambaran Islam tersebar secara aman.

5. Perkara 3 dan 4 perjanjian Hudaibiah kelihatan menguntungkan Quraisy tetapi dalam masa panjang ia menguntungkan Islam buktinya pengislaman tokoh berpengaruh seperti Khalid al Walid, Amru al – As.
6. Perjanjian juga menunjukkan nabi pemimpin unggul, dikagumi dan berwawasan.
7. Perjanjian ini menunjukkan Arab Quraisy mengiktiraf kerajaan Islam di Madinah.

d) Bagaimana pencabulan Perjanjian Hudaibiah berlaku.

1. Perjanjian ini hanya bertahan selama 2 tahun kerana pihak Quraisy sengaja mencabulinya.
2. Quraisy memberi sokongan kepada Bani Bakar yang berperang dengan Bani Khuza'ah.
3. Bani Khuza'ah ini berpihak kepada Islam di Madinah,
4. Bermakna Quraisy melanggar perjanjian genjatan senjata.
5. Pihak Islam bertegas menghantar tentera ke Makkah.

(4) Pembukaan Kota Makkah.

a) Peristiwa pembukaan semula Kota Makkah.

1. Nabi membuka semula Kota Makkah selepas hampir lapan tahun tinggal di Madinah.
2. Pembukaan ini kesan daripada tindakanQuraisy melanggar perjanjian Hudaibiah.
3. Pembukaan ini ialah strategi jangka panjang nabi menyebarksn Islam kerana penguasaan Makkah akan memantapkan Islam.
4. Baginda dan tentera memasuki Makkah secara aman.
5. Tokoh Quraisy seperti ketuanya Abu Suffian dan Al – Abbas amat khuatir lalu memeluk Islam sebelum kedatangan tentera Islam.
6. Empat pasukan tentera seramai 10 ribu orang masuk ke Makkah diketuai Khalid al – Walid, Abu Ubaidah, Saad Ubadah, dan Zubair al – Awwan, dari arah utara, selatan, barat dan barat daya Makkah.
7. Taktik ini memudahkan Makkah dikepung dan dibuka.

<u>b) Apakah kepentingan pembukaan Kota Makkah.</u>

1. Pembukaan Makkah menybabkan Abu Suffian dan al – Abbas memeluk Islam diikuti Arab Quraisy yang lain.

2. Nabi memberi jaminan keselamatan kepada mereka yang terkepung di dalam Kota Makkah.

3. Setelah berjaya, nabi bertawaf mengelilingi Kaabah dan berpidato menyatakan pentingnya perpaduan antara pelbagai bangsa dan agama.

4. Nabi memaafkan pihak Quraisy dsn tidak berdendam.

5. Kaabah terpelihara daripada unsure jahiliah, berhala dihapuskan dan masyarakat Islam mendalami ilmu Islam.

6. Makkah menjadi Kota Suci umat Islam dan tempat beribadat seperti ibadat haji.

7. Walau bagaimanapun Madinah tetap menjadi pusat pemerintahan Islam, Makkah menjadi wilayah kerajaan Islam.

8. Selepas itu berlaku peristiwa haji terakhir Nabi Muhammad s.a.w., dalam khutbah haji terakhir itu nabi berpesan, “ pusaka yang nabi tinggalkan selepas wafat ialah al- Quran dan sunnah, umat Islam tidak akan sesat selagi tidak meninggalkan pusaka ini ”.

9. Nabi wafat pada 632 M bersamaan 11 Hijrah.

BAB 6:PEMBENTUKAN KERAJAAN ISLAM DAN SUMBANGANNYA.

(1) Perlaksanaan sistem khalifah Islam.

a) Apakah maksud konsep khalifah.

1. Khalifah dalam bahasa Arab bererti penganti. Dalam konteks tersebut peganti Nabi Muhammad s.a.w. akan memerintah dan mentadbir kerajaan Islam.
2. Khalifah dalam kontek agama bermaksud tanggungjawab memelihara kemurnian Islam dan mengekalkan keharmonian serta kestabilan umat Islam.

b) Apakah syarat pemilihan khalifah.

1. Lelaki merdeka beragama Islam.
2. Memiliki pengetahuan tentang Islam.
3. Mematuhi perintah Allah dan melaksanakan hukum Allah.
4. Adil dan berakhlak baik.
5. Tubuh sihat, sempurna, cergas fikiran, warak.
6. Pandai mentadbir kerajaan Islam.

c) Bagaimanakah cara pemilihan khalifah.

1. Pertama, musyawarah atau syura – perlantikan Saidina Abu Bakar atas cadangan Saidina Umar dipersetujui ramai.
2. Kedua, cadangan nama dari khalifah terdahulu sebelum wafat – Saidina Umar mencadangkan Saidina Abu Bakar sebelum wafat.
3. Ketiga, pemilihan dari beberapa calon – 6 orang nama diusulkan dan Saidina Uthman terpilih.
4. Keempat, pencalonan sekolompok masyarakat – Saidina Ali telah terpilih.
5. Keempat – empat cara ini tetap melalui musyawarah/syura.
6. Khalifah ini perlu mengangkat sumpahatau lafaz taat setia iaitu baiah semasa perlantikan menjadi khalifah.
7. Syura bermaksud permuafakatan atau consensus.

d) Apakah tugas khalifah.

1. Memelihara keduduk agama Islam.
2. Mentadbir negara mengikut hukum syariah berpandukan al – Quran dan sunnah.
3. Menitik beratkan sistem politik, sosial dan ekonomi.
4. Mempertahankan negara dari ancaman musuh.
5. Melantik dan melucut pegawai pentadbiran negara.
6. Menjaga kebajikan rakyat agar bahagia dunia akhirat.
7. Meneruskan ajaran Allah yang disampaikan melalui Nabi Muhammad s.a.w.
8. Mengekalkan perpaduan ummah melalui musyawarah.
9. Menguruskan kewangan, perbendaraan, kharaj, jizyah, zakat.

(2) Sumbangan Khulafa al – Rasyidin.

a) Apakah sumbangan Khalifah Abu Bakar al –siddiq.

1. Digelar al – Siddiq bermaksud yang membenarkan kerana beliau sentiasa yakin kebenaran kata – kata nabi.
2. Sifatnya ikhlas, jujur dan setia pada baginda.
3. Saidina Abu Bakar dicadangkan oleh Saidina Umar.
4. Beliau berjasa menghapuskan orang Islam yang murtad dan tidak mahu membayar zakat.
5. Mempertahankan Madinah daripada ancaman Parsi dan Rom Timur.
6. Membahagikan Tanah Arab kepada 10 wilayah antaranya Makkah, Taif, Yaman, dan melantik Amir mentadbirnya.
7. Memperkenalkan bayaran gaji tentera, undang – undang tanah, hak golongan mawali.
8. Memerintahkan Zaid b. Thabit mengumpulkan tulisan al – Quran pada batu, kayu, kulit binatang kerana ramai orang hafiz al – Quran syahid, salinan al – Quran ini disimpan oleh Saidina Umar, Hafsah, (isteri nabi) dan Saidina Uthman.
9. Khalifah Abu Bakar digelar penyelamat umat Islam.

b) Apakah sumbangan Khalifah Umar al – Khattab.

1. Bersifat berani, tegas, berterus – terang.

2. Pelantikannya hasil cadangan Abu Bakar ketika sakit.

3. Dianggap zaman keemasan Kerajaan Islam Madinah.

4. Pembaharuan politik – Mengamalkan dasar pentadbiran dan melantik pegawai, menubuhkan majlis syura (dianggotai wakil mujhirin dan Ansar), membahagikan jajahan Islam kepada wilayah dan melantik wali (gabenor).

5. Penubuhan jabatan – Jabatan tentera, polis, percukaian. Setiap jabatan diketuai oleh katib (setiausaha).

6. Jabatan Kehakiman – dilantik hakim bergaji bulanan.

7. Sosial – pendidikan al – Quran di Masjid, menghantar guru agama ke wilayah (Abu Sufyan) dihantar ke Badwi).

8. Kalendar – tahun hijrah menjadi tahun pengiraan Islam.

9. Tentera – tentera tetap dan sukarela, bergaji, berpakaian seragam, markas tentera dibina seperti di Madinah, Kufah.

10. Terusan dan tali air – menambah hasil pertanian seperti Terusan Amirul Mukminin di Mesir.

11. Rakyat digalakkan meneroka tanah dan mengusahakan tanah terbiar.

12. Pengenalan cukai – cukai jizyah dikenakan kepada Zimmi (bukan Islam yang yang rela diperintah kerajaan Islam), cukai kharaj berdasarkan jenis tanaman dan kesuburan tanah seperti tanaman gandum, barli, anggur.

13. Baitulmal ditubuhkan untuk mengawal pendapatan negara.

14. Digelar Amirul Mukminin atau Panglima Agung Mukmin.

c) Apakah sumbangan Khalifah Uthman bin Affan.

1. Seorang hartawan yang dermawan, lemah lembut tolak ansur, bersimpati.

2. Digelar Zun Nurain (menpunyai 2 cahaya) kerana pernah mengahwini 2 orang puteri Rasulullah selepas salah seorang daripadanya meninggal dunia.

3. Dilantik daripada 6 cadangan calon, undi sama banyak diterima Uthman dan Ali. Tinjauan persetujuan orang ramai memilih Saidina Uthman menjadi khalifah.

4. Dari segi politik – meluaskan empayar seperti ke Cyprus, Afghanistan, Tripoli dan khalifah pertama membina angkatan tentera laut Islam.

5. Mengisyitiharkan naskah al-Quran Mushaf Uthmani.

6. Membina jambatan, jalan raya rumah rehat pengembara.

7. Baitulmal digunakan untuk mengukuhkan tentera laut Islam – membeli senjata dan kapal.

8. Jizyah dikekalkan – antara sumber pendapatan baitulmal.

<u>d) Apakah sumbangan Khalifah Ali bin Abu Talib.</u>

1. Seorang yang berani, pahlawan, berpengetahuan luas tentang perundangan Islam.

2. Dilantik hasil persetujuan sokongan suara terbanyak.

3. Banyak menyelesaikan masalah berhubung masyarakat dan perundangan Islam.

4. Menghentikan Perang Siffin bila musuh mengangkat al-Quran dan menjalankan rundingan.

5. Membina markas tentera di Parsi dan Syria.

6. Meneruskan cukai jizyah kepada Zimmi.

<u>(3) Kerajaan Bani Umaiyah</u>

a) Latar belakang kemunculan kerajaan Bani Umaiyah.

1. Nama kerajaan ini diambil sempena nama keturunan Bani Umaiyah iaitu Umaiyah b. Abdu Shams (peniaga terkenal).

2. Diasaskan oleh Muawiyah b. Abu Sufyan, selepas peristiwa penyerahan kuasa daripada Saidina Hassan b. Ali untuk menggelakkan perpecahan umat Islam.

3. Tahap 1- pemerintahan berpusat di Damsyik. Menggunakan geralan khalifah, diasakan oleh Khalifah Muawiyah.

4. Tahap 2 – berpusat di Codova menggunakan gelaran amir diasaskan oleh Abdul Rahman al – Dakhil.

b) Sumbangan kerajaan Bani Umaiyah – bidang politik.

Sistem khalifah – ketua pemerintah pengganti Nabi Muhammad s.a.w.

Sistem wazarah – pelantikan wazir yang mengetuai pentadbiran kerajaan pusat.

Sistem Gabenor – mengetuai pentadbiran wilayah.
Sistem urus setia – pegawai utama dilantik mengumpulkan rekod, mengurus, mengurus surat dan dibahagikan pula kepada beberapa bahagian seperti bahagian cukai, ketenteraan, polis dan kehakiman.
Sistem hijabah – menjaga keselamatan dan memeriksa orang yang ingin menemui Khalifah.
Penubuhan 4 jabatan – jabatan cukai, surat menyurat, urusan am dan urusan cap mohor pemerintah.
Penubuhan Diwanul Jundi (jabatan Ketenteraan).
Penubuhan angkatan tentera darat dan tentera laut.
Bidang perundangan – hukuman berdasarkan ijtihad berpandu al-Quran, sunnah atau ijmak. Hakim mestilah bebas dan adil

c) Sumbangan kerajaan Bani Umaiyah – bidang sosial.
Ilmu pengetahuan – Kota Basrah menjadi pusat pengajaran dan penyebaran ilmu.
Lahir ilmuan seperti Khalili ibn Ahmad (bahasa dan filologi Arab), Sibawayhi (nahu Arab), Jarir (sasterawan).
Bahasa Arab dijadikan bahasa rasmi negara.
Tanda bunyi atau baris dalam tulisan al – Quran diperkenalkan untuk memudahkan umat Islam bukan Arab.
Ilmu agama – Ibn Zihat al – Zuhri (hadis), Ibn Jarith (tafsir al- Quran), Hasan al- Bakri (usuluddin).
Hospital pertama- dibina oleh Khalifah al – Walid Abdul Malik di Damsyik.
Hospital penyakit kusta – dibina oleh Khalifah Umar Abdul Aziz.
Terjemahan pelbagai ilmu ke bahasa Arab – Ibn al – Nafis menterjemahkan buku berkaitan pembedahan.
Perkembangan ilmu moden lain – kimia, astronomi.

d) Sumbangan kerajaan Bani Umaiyah ke – 2 di Andalusia.
Pusat pengajiaan tinggi di Carova – diasaskan oleh Abdul Rahman III, kemudian berkembang ke Eropah.

Perpustakaan Cardova diasaskan oleh al – Hakam II.
Bandar ilmu yang lain – Seville, Toledo, Granada.
Pusat penjermahan karya Yunani ke dalam bahasa Arab terdapat di Toledo.
Cardova juga menjadi jambatan ilmu antara dunia Islam dan Eropah.
Seni bina Islam – masjid Cardova lengkap dengan menara, kubah, dan tiang daripada marmar.
Penubuhan baitulmal – mendapat sumber pendapatan daripad kharaj (cukai tanah), jizyah (cukai perlindungan), usyur (hasil pertanian), ghanimah (harta rampasan perang) dan zakat (wajib bagi umat Islam).
Cordova menjadi pusat ekonomi dan perdagangn antarabangsa contohnya perusahaan orang Islam seperti tembikar, perhiasan emas/perak, kulit, membuat senjata.
Pertanian – sistem saliran dan penyelidikan benih tanaman.

(4) Kerajaan Bani Abbasiyah

a) Latar belakang kemunculan kerajaan Bani Abbasiyah.

1. Pada peringkat akhir pemerintahan Bani Umaiyah, golongan Mawali (orang Islam bukan arab seperti Parsi dan Barbar) merasa didiskrimisikan (tidak dapat jawatan dan dikenakan cukai yang lebih tinggi).
2. Bani Umaiyah yang mentadbir pula mula mengabaikan ajaran Islam.
3. Kesannya golongan Mawali menyertai gerakan Abbasiyah.
4. Sistem warisan Umaiyah juga telah ditentnag oleh orang Islam Syiah dan Khawarij.
5. akhirnya gerakan Revolusi Abbasiyah berjaya menumbangkan kerajaan Bani Umaiyah.
6. Gerakan ini dimulakan oleh Ali b. Abdullah atas nama ahlul bait (keluarga Nabi Muhammad s.a.w) agar mendapat sokongan.
7. Pusat operasi mereka di Khurasan, Kufah dan Humaimah.
8. Pemimpin terkenalnya ialah Abu Salamah dan Abu Muslim.
9. Ketika pemerintahan Abu Jaafar al – Mansur pemerintahan kerajaan ini berpindah dari Damsyik ke Baghdad.
10. Kerajaan ini berakhir apabila ditawan tentera Monggol yang diketuai oleh Hulagu Khan.

11. Kerajaan ini mengamalkan sistem warisan atau monarki (pemerintahan keturunan raja).

12. Nama kerajaan ini diambil sempena nama al – abbas (bapa saudara Nabi Muhammad s.a.w).

b) Sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah.

1. Semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid dan anaknya al-Makmun – Baghdad menjadi kota intelektual.
2. Karya asing seperti falsafah dan sains Yunani diterjemahkan ke dalam bahasa arab.
3. Baitulhikmah (institusi keilmuan) telah dibina.
4. Kegiatan penulisan terbahagi kepada 3 tahap iaitu mencatat segala idea atau percakapan, mengumpul idea yang serupa atau hadis Nabi Muhammad s.a.w. mengarang (dalam bahagian dan bab yang berbeza antara satu sama lain).
5. Penglibatan ulama dalam penulisan – fikah, tafsir, sejarah.
6. Iman terkenal seperti Ibn Ishaq (sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w), Abu Hanifah (fiqah dan ijtihad).
7. Ketika ini berlaku pemisahan ilmu tafsir, sirah dan hadis.

c) Sumbangan Bani Abbasiyah dalam penterjemahan.

1. Terjemahan ke bahasa Arab dibuat daripada bahsa yunani, Suriani dan Yunani.
2. Orang Islam Islam menterjemah dan mencipta serta membuat pembaharuan, menghurai, menambahbaik karya tersebut ke bahasa Arab.
3. Islam memelihara warisan ilmu itu ketika Eropah dilanda Zaman Gelap (Eropah kurang menghargai ilmu).
4. Penyelidikan sarjana Islam kemudiannya diterjemaah pula ke bahsa asing(Eropah) yang membawa kebangkitan Eropah seperti Zaman Renaissance.

(5) Kerajaan Turki Uthmaniyah.

(a) Latar belakang kemunculan Kerajaan Turki Uthmaniyah.

1. Kelemahan Kerajaan Abbasiyah menyebabkan munculnya kerajaan kecil seperti Saljuk di Turki.
2. Salah sebuah pemerintahan di bawah pengaruh Saljuk ialah Anatolia, tetapi pemerintah Anatolia bebas mentadbir.
3. Kemudian kerajaan kecil Anatolia ini menguasai kerajaan lain hingga membentuk kerajaan Turki Uthmaniyah.
4. Uthmaniyah berasal dari nama pengasas kerajaan ini iaitu Uthman b. Ertughrul. Beliau ialah amir (gabenor Saljuk) kawasan barat Anatolia yang bersempadan empayar Byzantine (Rom Timur) maka ancaman disini amat tinggi.
5. Kemudian Byzantine ditumpaskan oleh Uthman, maka ramai ghazi (pahlawan tentera) dan pemimpin masyarakat bersatu di bawah uthman memperluaskan taklukan.

b) Perluasan empayar Kerajaan Turki Uthmaniyah.

1. Empayar bermula di sekitar Anatolia, kemudian Bursa dijadikan ibu negeri ketika pemerintahan Uthman.
2. penggantinya iaitu Orhan I meluaskan jajahan seperti Marmara, Ankara.
3. Kemudiannya Murad I dan Bayezid I menguasai jajahan seperti Bulgaria, Sofia, Albania, Kosovo.
4. Mehmed II pula berjaya menawan Istanbul (Constantinople) iaitu ibu kota Ron Timur.
5. Pada awal abad ke-20, empayar ini merosot keranan pemimpin lemah, keruntuhan sistem cukai dan pemberontakan.

c) Sumbangan Kerajaan Turki Uthmaniyah

1. Bertahan selama 600 tahun sebagai empayar Islam sehingga berperanan membentuk kesatuan orang Islam seluruh dunia.
2. Istanbul menjadi pusat pentadbiran dunia Islam.
3. apabila Sultan Selim I menguasai Makkah kerajaan ini dianggap pelindung umat Islam seluruh dunia.

4. Kanun Suleiman diperkenalkan sebagai perundangan yang melindungi nyawa, harta dan kehormatan individu tanpa mengira bangsa dan agama.
5. Kerajaan ini memperkenalkan sistem jawatan seperti kadi dan mufti. Jawatan Sheikh-ul-Islam pila ialah ketua ulama yang mengeluarkan fatwa.
6. Dari segi ekonomi- Istanbul menjadi kota perdagangan timur dan barat, dunia Islam dan bukan Islam.
7. Hubungan perdagangan Turki meliputi pelabuhan di sepanjang Laut Mediterranean, Tengah, Merah dan Hindi.
8. Menukarkan sistem bangsawan berasaskan susun lapis masyarakat kepada sistem menggalakan kecemerlangan individu – mobility sosial meluas khasnya di jajahan Eropah.
9. Sistem pendidikan – sistem madrasah, sekolah pendidikan akademik, sekolah sastera, maktab tentera, kolej perubatan.
10. Penulisan ensiklopedia – berkaitan sains Islam.
11. Perpustakaan ditubuhkan di masjid, hospital, rumah.
12. Seni bina – masjid Sultan ahmed (masjid biru) di Istanbul.

(6) Faktor penyebaran Islam ke Eropah.

a) Kekuatan pasukan tentera Islam.

1. Pegangan akidah dan akhlak yang kukuh menjadi asas kekuatan kerajaan Islam menentang Eropah.
2. Semangat Ghazi Zaman Uthmaniyah membentuk semangat pahlawan berkorban jiwa raga demi menyebarkan Islam. Kesannya – kejayaan memperluaskan kuasa ke Eropah.
3. Sistem ketenteraan Uthmaniyah – senjata moden (meriam besar), tentera berkuda, kumpulan infantry yang kuat.
4. Kumpulan Janissari Uthmaniyah ialah kumpulan elit terlatih dalam perang.
5. Kekuatan armada laut – pada zaman Suleiman al-Kanuni armada ini mengawal kawasan Laut Mediterranean.

b) Politik tidak stabil di Eropah.

1. Perang antara kerajaan kecil di Eropah memudahkan Islam meluaskan kuasa.
2. Kemasukkan tentera Uthmaniyah ke Eropah pada awalnya atas permintaan Maharaja John VI Cantacuzens yang meminta bantuan Orhan menuntut takhta kerajaan Byzantine.
3. Kejatuhan Byzantine – memberi peluang kepada penyebaran Islam di Eropah.
4. Institusi gereja di Eropah runtuh – penyalahgunaan kuasa, pergaduhan para pemimpinnya. Maka rmaai penganut Kristian memeluk Islam.

c) Dasar pemerintahan Islam.

1. Dasar diplomasi dan toleransi – masyarakat Eropah tidak dipaksa memeluk Islam.
2. Kedudukan, perundangan dan harta Gereja Ortodok diiktiraf, kerajaan Uthmaniyah tidak mencampuri hal keagamaan Kristian.
3. Dasar berasaskan kecemerlangan individu dan bukan keturunan menarik minat orang Eropah memeluk Islam.
4. Kerajaan Islam tetap membina sekolah, rumah sakit dan kawasan perdagangan rakyat di jajahan Eropah.

d) Peranan penghijrah Turki dan pendakwah Islam.

1. Ramai orang Turki berhijrah ke Balkan seperti kawasan Thrace, utara Bulgria dan Albania yang didiami ahli sufi.
2. Mereka bersama ahlisufi menarik minat orang Kristian memeluk Islam kerana sifat toleransi. Ahli sufi.

(7) Perembungan tamadun Islam dengan tamadun lain.

a) Kawasan pertembungan tamadun.

1. Khalifah al-Rasyidin (Khalifah Umar) bertembung dengan tamadun Yunani Rom ketika bertapak di Mesir.
2. Kemudian perluasan kuasa ke Baghdad pula menyebabkan pertembungan dengan tamadun Parsi dan Islam.
3. Apabila Bani Umaiyah menakluki Afrika Utara dan Sepanyol berlakulah pertembungan antara tamadun Islam dan Eropah.

b) Cara pertembungan berlaku.

1. **Perdagangan** – Nabi Muhammad s.a.w pernah berniaga di Syam(Syria). Pedagang Islam juga berniaga di kawasan Teluk Parsi hingga ke China (bertembung dengan tamadun China).
2. **Diplomatik** – kerajaan Bani Umaiyahh menghantar peneroka ke utara Selat Gibraltar di selatan Sepanyol. Mereka bertemu petempatan bukan Islam seperti di Cordova, Valencia untuk membuat hubungan diplomatic. Kesannya mereka memahami konsep aman dalam cara hidup orang Islam.
3. **Penaklukan** – kerajaan Islam membentuk ekspedisi tentera dan bertembung dengan tamadun luar, contohnya menakluk Iran/Iraq (tamadun Parsi), Mesir/Afrika Utara (tamadun rom-empayar Byzantine).
4. **Kebudayaan** – kemasukan Islam ke Sepanyol menyebabkan bahasa Arab menjadi bahasa utama di situ. Lahir golongan Mozarab iaitu orang tempatan beragama Kristian tetapi mengamalkan budaya Islam dan berbahasa Arab.
5. **Intelektual** – Ilmuan Islam mendalami ilmu tamadun Eropah dan berlaku pertembungan antara ahli fikir Islam dengan bukan Islam.

c) Kesan pertembungan tamadun dari segi agama, ekonomi dan sosial.

1. **Keagamaan** – mengubah akidah penduduk taklukan kepada kepercayaan kepada Allah, tetapi Islam tidak menghapuskan adat dan budaya yang tidak bertentangan Islam.
2. Kesan **perluasan kawasan** yang diperintah Islam – kawasan penyebaran pengaruh Islam diperluaskan.
3. Lahir **pelbagai kerajaan Islam** – kerajaan Delhi/Mughal di India, kerajaan Umaiyah, Abbasiyah, Uthmaniyah.
4. **Penguasaan ekonomi** – keselamatan lalauan pedagang dikawal oleh kerajaan Islam. Pedagang Islam berdagang meliputi ke India, Ceylon, alam Melayu dan China di timur, Sepanyol, Perancis di barat.
5. **Urbanisasi** – berlaku kesan kemajuan pedagang Islam.
6. **Organisasi sosial** – Islam memberi penyelarasan undang – undang yang saksama kepasa semua lapisan masyarakat.

7. **pendidikan** – merangkumi penguasaan pendidikan agama, sains, teknologi, sejarah, matematik.

8. **Tatatertib kehidupan harian** seperti cara berpakaian, berfikir, bertutur telah berubah. Di Sepanyol, ketika pemerintahan Bani Umaiyah orang Eropah bertutur bahasa Arab dan berpakaian seperti orang Islam.

9. **Golongan Mudejar** ialah orang Islam minority di bawah pemerintahan Kristian, mereka menyebarkan cara hidup Islam tersebut.

d) Kesan pertembungan tamadun dari segi ilmu pengetahuan.

1. **Cendekiawan Islam** dan bukan Islam bertukar pendapat dan ilmuan Islam menterjemah karya Yunani seperti Aristotle, Plato, Galen.
2. **Penterjemahan pesat** berlaku kerana adanya perpustakaan yang membolehkan bahan kajian ini disimpan.
3. **Ilmu perubatan** – Zakaria al-Razi menterjemah karya Galen menghasilakn kitab Al-Hawi.
4. **Matematik dan astronomi** – al-Khawarizmi, al-Batani.
5. **Politik dan undang-undang** – al Farabi, al-Mawardi.
6. **Ilmu Mantik dan falsafah** – Ibn Sina, Ibnu Rushd.
7. **Seni bina** – Masjid Cordova, istana Alhambra di Granada.
8. **Kesusteraan** – Omar Khayyam, Jalal ad-Din.
9. **Pengembaraan** – Ibn Battuta, al – Mascudi.

BAB 7 : ISLAM DI ASIA TENGGARA

(1) Kedatangan Islam di Asia Tenggara.

a) Latar belakang kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

1. Sebelum kemunculan Islam Di Makkah – Asia Tenggara telah menjadi pusat perdagangan utama pedagang Melayu, Arab, China, India.
2. Asia Tenggara kaya dengan hasil hutan,pertanian, logam yang diperlukan pedagang barat dn timur.
3. Apabila Islam berkembang di Makkah, pedagang Islam terus berdagang dan berdakwah di Asia Tenggara.

b) Teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari Arab.

1. Dikemukakan oleh ***John Crawford disokong oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas***.
2. Menurut John Crawford – Islam datang dari Arab melalui pedagang.
3. Buktinya catatan China mengatakan orang Arab dan Parsi telah mempunyai pusat perniagaan di Canton sejak tahun 300 M. Pedagang Arab yang ke China singgah di pelabuhan Asia Tenggara khasnya di Selat Melaka kerana kedudukannya strategik.
4. Pedagang Arab ini tinggal beberapa bulan di Asia Tenggara dan ada yang menetap serta membina perkampungan Arab.
5. Perkampungan ini juga menjadi tapak untuk berdagang.
6. Ada juga pedagang Arab yang berkahwin dengan wanita tempatan dan menyebarkan Islam.
7. Masa menunggu angin monsun pula digunakan oleh pedagang Arab untuk mengembangkan Islam.
8. Penduduk tempatan juga turut terpikat dengan kejujuran dan menjaga kebersihan para pedagang Islam.
9. Menurut catatan China – wujud petempatan Arab di Sumatera Utara iaitu di Ta Shih.
10. Menurut Syed Naquib – wujud persamaan penulisan dan kesusasteraan Asia Tenggara dan Arab, perkataan jawi diambil daripada bahasa Arab, budaya dan muzik pengaruh arab dabus dan tarian Zapin.

11. Menurut Syed Naquib, banyak karya tempatan menceritakan pengislaman raja tempatan oleh syeikh dari Tanah Arab contohnya hikayat Raja-raja Pasai mengatakan Raja Malik diislamkan oleh ahli sufi dari Arab iaitu Syeikh Ismail.

c) Teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari China.

1. Dikemukakan oleh ***E.G Eredia dan S.Q. Fatimi***.
2. Menurut Eredia, Canton pernah menjadi pusat perniagaan pedaganf Arab hingga pedagang China memeluk Islam.
3. Pedagang China Islam ini kemudiannya berdagang di Asia tenggara disamping menyebarkan Islam.
4. Menurut Fatimi pula, pedagang China Canton pernah berpindah beramai –ramai ke Asia Tenggara.
5. Bukti kedatangan Islam dari China ini boleh dilihat pada Batu Bersurat Terengganu, batu nisan yang mempunyai ayat al-Quran di Pekan, Pahang.
6. Wujud persamaan antara seni bina China dengan seni bina masjid di Kelantan, Melaka dan Jawa seperti bumbung pagoda, atap genting China.

d) Teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari India.

1. Dikemukakan oleh ***S.Hurgronje – Islam datang dari Gujerat dan pantai Koromandel***.
2. Hubungan dagang dengan India telah wujud lama – memberi peluang pedagang Islam India menyebarkan Islam.
3. Terdapat batu marmar pada batu nisan mempunyai cirri buatan India – contohnya di batu nisan Raja Malik Pasai.
4. Unsur budaya India amat rapat sejak sebelum Islam – budaya Hindu.

(2) Cara – cara kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

a) Perdagangan.

1. Pedagang dari Arab, China dan India telah lama menjalin hubungan di pelabuahn Asia Tenggara seperti di Selat Melaka, Kepulauan Rempah.
2. Sikap dan tingkahlaku baik pedagang Islam ini menjadi ikutan penduduk setempat.
3. Setengah pedagang luar ini membawa ulama bersama mereka untuk berdakwah di pelabuhan.
4. Sifat mahmudah (sopan-santun, ikhlas, lemah-lembut) pedagang Islam menarik minat orang tempatan.
5. Pedagang Islam juga mempunyai hubungan baik dengan pemerintah tempatan hingga diberi keistimewaan. Ada diantara mereka dianugerah jawtan syahbandar , syahbandar inilah yang turut menyebarkan Islam.

b) Perkahwinan.

1. Perkahwinan siasah – berlaku di kalangan kerabar diraja. Di Melaka, Sultan Mansur Syah dan Muzafar Syah mengahwinkan puteri mereka dengan Raja Siak, Kampar, Jambi. Kemudiannya negeri ini akan diislamkan oleh Melaka.
2. Perkahwinan biasa – berlaku antara ulama atau pedagang Islam dari India atau Arab dengan orang tempatan. Maka islam tersebar dikalangan keluarga dan masyarakat orang yang dikahwini itu.

c) Pengislaman raja dan golongan bangsawan.

1. Apabila raja memeluk Islam, ia akan diikuti oleh rakyat kerana mereka sangat taat kepada raja.
2. Pengislaman Megat Iskandar Syah Melaka contohnya, diikuti oleh pengislaman keluarga diraja, pembesar dan rakyat Melaka.
3. Di Pasai pengislaman Raja Malik menjadkan Sialm cepat berkembang dan Pasai menjadi kerajaan yang kuat.

d) Kelahiran kerajaan Islam.

1. Kerajaan Islam terawal – kerajaan Perlak, Samudera-Pasai.
2. Melaka – Tun Perak memperluaskan kuasa dan kemudiannya mengislamkan kawasan seperti Aru, Rokan, Siak.
3. Johor-Riau – kerajaan ini berusaha menawan semula Melaka bagi mengelakkan Portugis yang menawan Melaka menjadi pusat penyebaran agama Kristian di alam Melayu.
4. Demak – selepas menawan Majapahit, kerajaan ini telah menyebarkan Islam ke seluruh Jawa. Usaha ini diikuti juga oleh kerajaan Islam di Jawa seperti Pajang dan Mataram.
5. Acheh – Sultan Iskandar Muda menjadikan Acheh kerajaan yang kaut dan penyekat penyebaran agama Kristian. Acheh menaungi negeri – negeri kecil di Sumatera Utara dan menawan beberapa negeri di Tanah Melayu untuk menghalang penyebaran Kristian. Kerajaan ini digelar Serambi Makkah kerana orang Islam Asa Tenggara yang ingin menunaikan haji ke Makkah akan singgah di sini dahulu.
6. Pattani – Raja Phaya Sultan Mahmud Syah. Ramai pedagang dan pendakwah Arab dan Parsi datang ke sini. Penyebaran ke seluruh Pattani dilakukan oleh Sultan Mudzaffar Syah.
7. Brunei – Catatan China mengatakan Brunei (pusat perdagangan Borneo) pernah menghantar pembesarnya Pu Ali ke China. Pendakwah iaitu Syariff Ali (dikatakan keturunan Nabi Muhammad s.a.w) pernah menyebarkan Islam di sini. Kesan pengislaman Brunei wilayah sekitar seperti Sulu dan Mindanao turut diislamkan.

8. Champa – bukti kedatangan Islam ke sini ada pada batu nisan dan prasasti yang mencatatkan ayarat pembayaran cukai dan hutang.

e) Peranan pusat kebudayaan.

1. Pusat kebudayaan bertindak sebagai pusat keilmuan dan penyebaran Islam seperti di Perak, Riau, Acheh. Di sini ramai cerdik pandai dan banyak institusi pendidikan.
2. Samudera –Pasai – menjadi pusat penterjemahan di Kepulauan Melayu, kitab Arab, telah diterjemah ke bahasa Melayu. Sultan Mansur Melaka pernah mengirim kitab al – Dur al- Manzum untuk diterjemah di sini. Sultan Mahmud Melaka pula pernah merujuk masalah agama kepada pakar di sini.
3. Melaka – banyak karya sastera pengaruh Arab ditulis seperti Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Nabi Bercukur.
4. Acheh – syair dihasilkan untuk menghayati Islam seperti Hamzah al – Fansuri, Abdul Rauf Singkel.
5. Johor-Riau – hasil sastera yang ditulis seperti Tuhfat al-Nasif dan Peringatan Sejarah Johor.

f) Peranan Mubaligh.

1. Mubaligh atau pendakwah, ulama, ahli sufi berperanan secara langsung menyebarkan Islam.
2. Mubaligh terawal seperti Syeikh Ismail, Fakir Muhammad.
3. Di Pasai – Syarif Amir, di Melaka – Syeikh Abdul Aziz.
4. Mubaligh berperibadi jujur dan lemah lembut dalam menyebarkan Islam.
5. Di Melaka – ulama mengajar pada mulanya secara tidak formal, kemudian secara formal. Tempat mengajar di masjid, istana, rumah. Kemudiannya di pondok, pesantren.
6. Di Acheh – pondik dikenali sebagai dayah, muncul ulama tempatan seperti Hamzah al-Fansuri. Ulama di sini menjadi penasihat raja.
7. Di Jawa – Wali Songo menjadikan Demak sebagai pusat pegerakan dakwah Islamiah. Mereka membina Masjid Agung Demak yang menjadi markas dakwah Islamiah.

g) Keistimewaan Islam.

1. Kemurnian Islam merangkumi semua bidang termasuk konsep Tuhan Yang Maha Esa, keadilan, hak individu dan masyarkat dan kebahagiaan hidup dunia akhirat.
2. Agama Islam menuntut manusia berfikir secara rasional dan mudah diterima penduduk Asia Tenggara.

(3) Pengaruh Islam di Asia Tenggara.

a) Pemerintahan dan pentadbiran

1. Institusi beraja diubahsuai menjadi institusi kesultanan (warisan kerajaan Abbasiyah dan Turki Uthmaniyah).
2. Sultan menjadi ketua negara, mufti menjadi penasihat sultan. Wujud juga pegawai seperti kadi, khatib, bilal.
3. Gelaran sultan meletakkan raja setaraf dengan kerajaan Islam yang lain.
4. Dalam Hukum Kanun Melaka – raja digelar Khalifatul Mukminin (pemimpim orang mukmin), perkataan ini tercatat dalam wang syiling kerajaan melayu.
5. Gelaran Zillulah fil'Alam (bayangan Allah di dalam alam) turut digunakan oleh raja Melaka.
6. Islam menjadi agama rasmi – kerajaan Melaka, Acheh.
7. Contoh sultan yang berpegang teguh kepada Islam – Sultan Malik (Samudera Pasai), Sultan Iskandar Thani (Acheh).
8. Nama nama Islam digunakan seperti Acheh Darus Salam (negeri), Sultan Mahmud Syah beerti sultan terpuji.
9. Undang – undang syariah yang diperkenalkan seperti kes jenayah, harta pusaka. Ia termaktub dalam Hukum Kanun Melaka di Melaka dan Kanun Mahkota Alam di Belanda.
10. Semangat jihad menentang penjajah telah diterapkan – contohnya di Acheh menetang Portugis, di Jawa menentang Portugis dan Belanda.
11. Semanagat jihad ini disebarkan melalui tulisan ulama seperti Syeikh Nurudin dan Abdul Rauf Singkel.
12. Di Pattani Syeikh Daud menulis tentang penentangan terhadap Siam.

b) Sistem pendidikan.

1. Sebelum Islam pendidikan hanya untuk bangsawan.
2. Dalam Islam pendidikan wajib kepada semua orang Islam.
3. Kesannya wujud institusi formal seperti pondok, istana, pesantren, madrasah dan surau.
4. Pusat pendidikan terawal di Perlak disebut dayah atau pondik, contohnya Dayah Bukit Ce Breek, Perlak.
5. Samudera-Pasai menjadi pusat penterjemahan karya agama.
6. Pendidikan pondik berkembang ke Pattani, Acheh, Jawa.
7. Di Patani – penuntut pondok termasuk pelajar negeri lain.
8. Di Melaka – tiada pondok, pelajar menuntut di rumah ulama, masjid, surau dan istana.
9. Di Acheh – sistem pendidikan lebih sistematik, terdapat peringkat rendah (rangkang), menengah (muenasah) dan tinggi atau univesiti (Jamiah Bait al-Rahman). Pelajarnya meliputi pelajar luar Acheh. Di Acheh wanita digalakkan belajar di dayah dan memegang jawatan pentadbiran.

c) Bahasa dan kesusteraan.

1. Tulisan jawi berasal darpadatulisan Arab (al-Quran) yang diubahsuai dengan perkataan Melayu.
2. Tulisan ini menjadi tulisan rasmi menggantikan tulisan Palava Dewanagari (tulisan zaman Hindu Buddha).
3. Istilah Arab digunakan dalam tulisan jawi bahasa Melayu seperti sultan, syuur, masjid, alam.
4. Melalui tulisan jawi lahir penulis seperti Tun Sri Lanang.
5. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa lingua – franca di Kepulauan Melayu, ia menjadi bahasa pedagang timur dan barat.
6. Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu – seperti cerita panji, sastera pengaruh Arab, sastera seperti syair, guridam.

d) Cara hidup.

1. Sebelum Islam – cara hidup Anismisme, Hindu dan Buddha.

2. Kedatangan Islam maka cara hidup Islam diasimilasikan seperti bertudung dan bersongkok.

3. Islam dijadikan ‘ad – din ‘ iaitu cara hidup lengkap dan menyeluruh.

4. Kedatangan Islam turut mengubah sistem sosial seperti konsep persaudaraan, persamaan, tolong – menolong dan gotong – royong.

e) Kesenian.

1. Kesenian Islam contohnya seni khat, seni bina, seni ukir.

2. Seni khat ada pada batu nisan (tulisan ayat al – Quran), ukiran kayu, bilah mata keris, batu bersurat (Terengganu).

3. Makam di Pasai mempunyai pengaruh Parsi (syair Parsi).

4. Terdapat juga seni khat yang bertatahkan emas, perak.

5. Unsur seni kaligrafi turut mengambil contoh huruf Arab, ayat al – Quran dan tulisan jawi.

6. Seni Islam ini juga dicantumkan dengan unsure tumbuhan.

7. Pengaruh seni bina Islam boleh juga dilihat pada bentuk masjid, kubah, mimbar, mihrab dan menara azan seperti masjid Ubaidiyah Kuala Kangsar.

f) Ekonomi.

1. Baitulmal diperkenalkan di Acheh oleh Sultan Iskandar Muda yang berfungsi sebagai perbendaharaan negara (hasilnya diperoleh daripada zakat dan sedekah).

2. Islam menggalakkan umatnya mencari rezeki halal dan melarang mengemis.

3. Berdagang ekonomi yang halal digalakkan.

4. Perkara dilarang seperti riba, penindasan.

5. Islam juga menyarankan sikap berjimat cermat.

BAB 8 : PEMBAHARUAN DAN PENGARUH ISLAM DI MALAYSIA SEBELUM KEDATANGAN BARAT

(1) Pengaruh Islam terhadap politik.

a) Pentadbiran.

1. Sebelum Islam institusi raja dipengaruhi konsep dewa – raja (tradisi Hindu – Buddha).
2. Kedatangan Islam membawa konsep Zillullah fil – alam dan Zillullah fi – ardh yang bermaksud bayangan Allah di muka Bumi. Bermakna pengesahan kewibawaan raja berlandaskan Islam di beri kepada raja.
3. Konsep Khalifatul Mukminin pula bermakna pemimpin orang mukmin, gelaran ini digunakan oleh Sultan Mahmud Syah Melaka dan Sultan Abdul Ghaffur Pahang.
4. Dalam tradisi Hindu Buddha raja dinasabkan kepada keturunan dewa, pada zaman Islam sultan dinasabkan kepada tokoh Islam seperti Iskandar Zulkarnain.
5. Zaman Islam sultan masih kuasa tertinggi, tetapi sistem pewarisan masih diteruskan.
6. Sultan dibantu oleh pembesar 4 (bendahara, termenggong, penghulu bendahari dan laksamana).
7. Sultan juga mendapat nasihat daripada ulama seperti Sayid Abdul Aziz di Melaka.
8. Adat Perpatih – sistem ini diamalkan di Negeri Sembilan, kuasa tertinggi terletak di tangan Yang – dipertuan Besar.
9. Konsep daulat telah mengukuhkan kuasa sultan – konsep ini tidak bertulis tetapi dipercayai kebenarannya sehingga menaikkan penghormatan rakyat kepada sultan.
10. Daulat diperkukuhkan lagi dengan adat istiadat seperti pakaian, tingkahlaku, bahasa contohnya istiadat pertabalan.

b) Perundangan.

1. Terbahagi 2 iaitu undang – undang bertulis dan tidak bertulis.
2. Undang – undang bertulis ialah peraturan atau hokum dalam sebuah masyarakat.
3. Undang – undang tidak bertulis dikenali juga sebagai adat speerti adat Pepatih dan adat Temenggong.

4. Raja selalunya dikecualikan daripada undang – undang secara praktiknya.

Adat Perpatih :

Dijalankan di Negeri Sembilan dan Naning, Melaka.

Menyelesaikan masalah secara musyawarah yang dihadiri oleh 12 suku (keluarga besar).

Tidak membenarkan perkahwinan sama suku.

Setiap suku ini pula mempunyai ketua iaitu Lembaga.

Perlantikan ketua secara demokrasi dari peringkat bawah iaitu Anak Buah memilih Buapak memilih Lembaga memilih Undang memilih Yang Dipertuan Besar.

Diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang dari Pagar Ruyung, Sumatera.

Bersifat matrilineal iaitu mengutamakan jurai keturunan ibu.

Anakperepmuan diberi hak mewarisi harta.

Adat Temenggong:

Di jalankan di Tanah Melayu selain negeri Sembilan, naming.

Berasaskan sistem perilineal, yang mementingkan keturunan lelaki.

Anak lelaki diutamakan dalam pembahagian pusaka (bertepatan denga hukum faraid Islam).

Diasakan oleh Datuk ketumanggungan dari Palembang.

Pada mulanya adat ini dipengaruhi ajaran Hindu, kemudian disesuaikan dengan ajaran Islam mazhab Shafie.

Perundangan sebelum Islam – tradisi Hindu Buddha:

Tradisi Hindu Buddha disesuai dengan budaya temaptan.

Tradisi Hindu berpegang kepada Hukum Kanun Manu yang membezakan hukuman berdasarkan kelas.

Perundangan selepas Islam:

Undang – undang Islam di negeri –negeri Melayu wujud sebelum kedatangan pengaruh British.

Kehadiran Islam memperkembangkan undang – undang bertulis seperti Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Laut Melaka, Undang-undang Pahang, Kedah, Perak, Johor.

Hukum Kanun Melaka :

Menjelaskan tanggungjawab raja dan pembesar.

Pantang larang anggota masyarakat.

Hukuman jenayah.

Undang – undang keluarga.

Permasalahan ibadah.

Undang – undang Laut Melaka :

Nakhoda (kapten) dalam kapal diertikan sebagai imam dan anak buah kapal sebagai makmum.

Undang – undang Pelabuahn di negeri Kedah mempunyai peranan yang sama dengan Undang – undang Laut Melaka.

(2) Pengaruh Islam terhadap sosiobudaya

a) Pendidikan tidak formal.

1. Pendidikan tidak formal terawal melalui asuhan keluarga.
2. Penekanannya ialah nilai moral, pembelajaran melalui pendengaran, penglihatan dan pemerhatian.
3. Kanak-kanak mempelajari kemahiran ibu bapa seperti pertanian, perikanan, kraftangan, pertukangan.
4. Ibu bapa turut mengajar hal agama, adat, sopan santun.
5. Niali murni diterap melalui cerita lisan seperti cerita binatang dan jenaka yang memberi teladan dan pengajaran.
6. Pantang-larang dan adat dipelajari melalui pergaulan sosial seperti tunduk apabila lalu di hadapan orang tua.
7. Pendidikan juga dilakukan melalui pantun, teka teki, peribahasa.

b) Pendidikan formal.

1. Pendidikan formal berkaitan keagamaan di rumah, istana, masjid, surau, madrasah dan pondok.

2. Di rumah tok guru, pendidikan al-Quran diajar melibatkan anak – anak berusia 7 hingga 15 tahun.

3. Di istana, menurut Sejarah Melayu – pusat pengajian agama terdapat di istana Melaka. Sultan Mansur Syah telah menerima pengajaran Islam daripada Maulana Abu Bakar. Ramai ulama menetap di Melaka antaranya orang Arab, Parsi, Gujerat, kerana pengaruh pemnerintah Melaka.

4. Kitab al-Dur al Manzum (kitab Tasawuf) – sangat terkenal di istana Melaka hingga ke istana kerajaan Johor.

5. Pengajaran buku hikayat seperti Hikayat Amir Hamzah turut disimpan di Istana Melaka.

6. Di istana juga mengajar ilmu politik dan pentadbiran negara.

7. Di masjid dan surau, kanak-kanak diajar ilmu tajwid, fikah dan bacaan sembahyang, orang dewasa pula belajar ilmu fikah, usuludin, hadis, tasawuf pada tahap lebih tinggi.

8. Pendidikan pondok pula, pengajiannya menyediakan pelajar yang bakal menjadi guru agama dan berkhidmat kepada masyarakat.

9. Pondok terkenal terdapat di Kelantan (Pondok Pulau Condong), Terengganu (Pondok Pulau Manis) dan Kedah (Pondok Titi Gajah).

10. Pelajar akan belajar sehingga 10 tahun sebelum tamat pengajiannya.

11. Sistem madrasah – diperkenalkan oleh Bani Saljuk di Iraq. Sistem ini berdasarkan sukatan pelajaran dan dilaksanakan secara kelas.

12. Pendidikan madrasah ini mengikut tahap iaitu tahap permulaan, pertengahan, pengkhususan. Ia diawasi oleh Mudir (Guru Besar) dan diselia oleh sebuah lembaga.

c) Bahasa dan Kesusasteraan.

1. Sebelum lahirnya tulisan jawi telah wujud tulisan dalam sastera Melayu seperti tulisan Pallva, Kawi (Jawa kuno), Sunda, kuno, Batak dan Rencong.

2. Tulisan jawi hasil penyesuaian bahasa melayu dan tulisan Arab menjadi saluran pembacaan dan penulisan utama.

3. Istilah bahasa Melayu bertambah kesan pengaruh Bahasa Arab, seperti perkataan adat, hakim, hukum. Kemudiannya ditambah dengan istilah fikah, tauhid.

4. Kesusasteraan rakyat, disampaikan secara lisan seperti cerita asal-usul, binatang, jenaka, dongeng dan puisi seperti pantun, gurindam, dan seloka.

5. Hikayat berkaitan kisah Nabi Muhammad s.a.w dan sahabat seperti Hikayat Nur Muhammad, Hikayat Abu Bakar.

6. Bentuk puisi syair – Syair Dahulu Kala (di Terengganu).

7. Hikayat Saduran Arab Parsi – Hikayat Abu Nawas.

d) Kesenian.

1. Seni bermakna suatu yang indah pada penciptanya.

2. Keindahan ini dapat dilihat daripada seni halus, seni rupa, seni tekstil, seni tampak.

3. Seni zaman Hindu Buddha seperti seni candi, seni bina, seni arca di Lembah Bujang.

4. Zaman Islam – seni bina masjid terdapat ciri khas seperti mihrab, mimbar, telaga, bumbung, Masjid terkenal contohnya Masjid Kg. Laut Kelantan dan Masjid Tengkera Melaka.

5. Istana raja pula dilengkapi dengan balairung, tempat bersemayam, balai istiadat contohnya istana Melaka.

6. Rumah pula mempunyai seni ukiran tumbuhan, geometri.

7. Seni epigrafi ada pada batu bersurat dan batu nisan.

8. Seni khat atau kaligrafi digunakan sebagai hiasan di Masjid dan madrasah, batu nisan, tembikar atau mata wang.

9. Seni persembahan merangkumi tarian, muzik, nyanyian yang dipersembahkan dalam majlis perkahwinan, berkhatan dan upacara bersifat keagamaan.

10. Tarian pengaruh Arab seperti tarian dabus di Perak, tarian inang di istana Melaka, nazam.

11. Seni muzik pula seperti seni dikir diiringi rebana dan kompang, ghazal.

e) Gaya hidup.

1. Perubahan iatiadat pemerintah – dalam pertabalan raja kandungan bacaan ciri di mansuhkan, bacaan ikrar diteruskan kerana ia menyerupai baiah, perlantikan pengganti sultan sebelum istiadat pemakaman ditiru daripada kerajaan Bani Umaiyah.
2. Perubahan akhlak rakyat – ibu bapa amat dihormati, jiran dianggap seperti keluarga, panggilan pangkat diberi seperti Pak Long dan Mak Long, apabila orang muda bercakap dengan orang tua suara perlu rendah.
3. Adab berziarah – seseorang perlu memberi salam dan tuan rumah wajib menjawab salam, kemudian bersalaman. Kanak – kanak mencium tangan orang yang lebih tua, tetamu dilayan dan dihormati dengan hidangan makan minum, bacaan bismillah dimulakan untuk menjamu makan minum.
4. Majlis perkahwinan, berkhatan al – Quran diadakan mengikut Islam. Majlis seperti ini juga menekankan nilai gotong – royong, bekerjasama dan perpaduan.

(3) Pengaruh Islam terhadap ekonomi.

a) Perdagangan.

1. Pengaruh perdagangan amat kuat kepada umat Islam kerana Nabi Muhammad s.a.w terlibat secara langsung dalam perdagangan (memperdagangkan barang Khatijah).
2. Melaka menjadi pusat dagang kerana strategik (laluan timur dan barat turut melibatkan pedagang Islam).
3. Pelabuhan Melaka mempunyai kemudahan yang lengkap.
4. Laksamana membantu menguruskan hal kelautan.
5. Syahbandar menjadi ketua perlabuhan.
6. Undang – undang Laut Melaka membantu menentukan tugas nakhoda, jurumudi.
7. Di Melaka amat ramai pedagang, dikatakan tidak kurang 84 bahasa dipertuturkan di Melaka.
8. Melaka turut memperkenalkan sistem timbang dan sukat seperti kati dan tahil yang dipertanggungjawabkan kepada Syahbandar.
9. Barangan yang dtimbang seperti emas, perak, dan rempah menggunakan dachim (dacing).

10. Kaedah yang digunakan ialah tukar barang dan jual beli.

11. Kejatuhan Melaka mengalih perkembangan perdagangan ke Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

b) Mata wang.

1. Sistem mata wang adalah alternatif kepada sistem tukar barang atau barter.

2. Mata wang asing juga digunakan di Melaka seperti mata wang Pasai, Hormuz dan Cambay. Mata wang ini boleh ditukar dengan mata wang tempatan.

3. Umumnya negeri Melayu menggunakan timah sebagai wang dan nama sultan serta tarikh Islam dicatat pada mata wang.

4. Di Johor wang timah dikenali sebagai wang katun yang mempunyai tulisan jawi atau Arab.

5. Mata wang timah Kedah berbentuk seekor ayam jantan yang hinggap di atas beberapa cincin.

6. Mata wang emas Johor digunakan ketika Sultan Alaudin, wang emas Johor digelar kupang.

7. Mata wang emas Kelantan dikenali sebagai kijang.

8. Mata wang emas ini mencatatkan nama dan pangkat Sultan iaitu Khalifatul Muslimin.

9. Pedagang Arab menggunakan wang emas, tetapi pedagang Eropah menggunakan wang perak.

c) Percukaian.

1. Cukai ialah bayaran yang dikenakan oleh pemerintah terhadap aktiviti tertentu atau barang tertentu.

2. Di Melaka, cukai dibayar oleh pedagang sebelum memulakan perniagaan.

3. Cukai paling asas ialah cukai tetap (cukai import) – contohnya pedagang dari India dan Arab (6% daripada jumlah barang), Jepun dan China (5%).

4. Barang yang tidak dikenakan cukai ialah beras, makanan.

5. Setelah cukai dibayar, mereka boleh berniaga di bazaar – bazaar di sepanjang Sungai Melaka.

6. Orang asing yang menetap di Melaka juga dikenakan cukai, contohnya orang asing Kepulauan Melayu (cukai diraja 3%) dan orang asing lain (cukai diraja 6%).

7. Amalan riba dikalangan orang Islam tidak dibenarkan di negeri melayu. Penegasan tentang riba ini dinyatakan dalam Hukum Kanun Melaka.

8. Walau bagaimanapun golongan ceti yang memberi pinjaman dibenarkan menjalankan aktiviti riba mereka.

9. Orang Islam yang berkemampuan dikenakan zakat harta.

10. Wang zakat disimpan oleh Baitulmal yang menyelenggarakan harta kerajaan, wang Baitulmal digunakan untuk pembangunan negara dan masyarakat.

BAB 9 : PERKEMBANGAN DI EROPAH

(1) Perubahan di eropah dari Zaman Pertengahan awal hingga ke Zaman Pertengahan Akhir.

a) Zaman pertengahan di Eropah.

1. Zaman pertengahan terbahagi 3 iaitu peringkat awal, kemuncak dan akhir.
2. Zaman Gelap pada masa zaman pertengahan awal.
3. zaman Renaissance pada masa zaman pertengahan akhir.

b) Latar belakang Zaman Gelap (Pertengahan Awal).

1. Eropah mengalami kemerosotan ilmu pengetahuan, perdagangan dan penbandaran.
2. Ketika ini tiada pusat pentadbiran yang berkesan.
3. Dunai islam pada masa ini sangat mantap, oleh itu Eropah mengambil ilmu daripada dunia Islam.
4. Pada masa ini, empayar Rom barat (kuasa pusat) runtuh, maka muncullah golongan baron (tuan tanah).

c) Apakah ciri – ciri Zaman Gelap (Pertengahan Awal).

1. Petani mendapatkan perlindungan daripada tuan tanah kerana politik tidak stabil.
2. Petani membayar cukai yang tinggi sebagai tukaran kepada perlindungan yang diberikan oleh tuan tanah.
3. Petani yang tidak berkemampuan telah menyerahkan tanah mereka dan menjadi hamba.
4. Tuan tanah pula mendapat perlindungan daripada raja.
5. Tuan tanah dikehendaki memberi khidmat atau membayar cukai kepada raja.
6. Hubungan antara petani, tuan tanah dan raja ini dikenali sebagai sistem feudal.
7. Di negeri melayu sistem feudal juga diamalkan, di mana raja berkuasa mutlak, dan pembesar berkhidmat dan dinaungi raja, rakyat dan hamba melayu berkhidmat untuk pembesar.

8. Gereja Katolik amat berkuasa ketika Zaman Pertengahan, mereka memiliki hartanah yang banyak dan focus utama ialah ilmu akhirat hingga mengongkong hidup masyarakat.
9. Perdagangan pada zaman ini diganggu orang gasar seperti Maygar dan Viking. Perdagangan ke timur dan Laut Mediterranean pula dikuasai oleh orang Islam.
10. Masalah ekonomi ini menyebabkan mereka menumpukan kepada pertanian, mereka menjalankan aktiviti tukar barang kerana mata wang dalam pasaran terhad.

<u>d) Zaman Kemuncak Pertengahan.</u>

1. Gereja menjadi institusi yang universal dan menjadi ejen penyatuan.
2. Perubahan ekonomi berlaku kerana pertambahan penduduk, peningkatan pertanian dan kemunculan perdagangan.
3. Kemudian muncul pula bandar seperti Venice, Milan.
4. Lahir juga kelas pertengahan seperti artisan, pedagang.
5. Status sosial ditentukan oleh kekayaan dan bukan pemilikan tanah.
6. Wujud juga institusi politik seperti parlimen.

<u>e) Zaman Renaissance (Pertengahan Akhir).</u>

1. Reanissance berasal daripada perkataan Itali iaitu reniscimen bermaksud kelahiran semula iaitu penghargaan semula ilmu yang terhasil pada Zaman Yunani dan Rom.
2. Tamadun Yunani dan Rom tenggelam ketika Zaman Gelap.
3. Asas pemikiran zaman ini ialah menonjolkan keupayaan manusia berfikir menyelesaikan masalah yang dikenali sebagai humanisme. Bapa humanisme ialah F.Petrarch.
4. Antara tokoh Renaissanxe seperti N. Machiavelli.
5. Manusia zaman ini mempunyai semangat inkuiri (semangat ingin tahu yang kuat).
6. Zaman ini bermula di Itali, di mana muncul bandar terkenal seperti Venice, Rom dan Milan yang menjadi pusar perdagangan antarabangsa.
7. Itali amat strategik sebagai pelabuhan persimpangan antarabangsa contohnya pelabuhan Venice dan Genoa.
8. Di sini berlaku pertembungan budaya, bahasa dan agama.

9. Di sini juga muncul pedagang yang kaya yang menggunakan kekayaan mereka untuk mengindahkan bandar.
10. Pedagang kaya ini kemudiannya menjadi patron atau penaung kepada pelukis, saintis, pemuzik dan penulis.
11. Patron terkenal seperti keluarga Medici di Florence.
12. Patron berusaha menarik masuk cendiakawan dan seniman yang berkunjung dari bandar ke bandar menyebarkan idea Renaissance. Ke seluruh Itali.
13. Paus juga cuba melindungi seniman dan cendiakawan ini. Gereja Rom yang mencemburu kepada bandar Florence (dibina oleh patron-Medici) yang cantik ingin menandinginya, tetapi saintis berselisih faham dengan gereja (mereka mencabar fahaman tradisi gereja, contohnya kes Galilco Galilei).
14. Gereja berubah memberi tumpuan kepada seni lukis dan seni ukir, mereka mengupah Leonardo da vinci, Raphael, Michaelangelo mencantikkan gereja dan katedral di Rom.
15. Pelukis dan penulis ketika ini ingin dikenali secara individu maka semangat dan amalan individualisme.
16. Selepas itu pelukis dan pengukir juga mahir dalam ilmu pengetahuan.
17. Tokoh Renaissance di luar Itali – Thomas More, Francis Bacon, Wiliam Shakespeare. (Tokoh-tokoh Renaissance di Eropah)

f) Kesan Zaman Renaissance (Pertengahan Akhir).

1. Politik – Muncul monarki baru yang berasaskan kekuatan kerajaan pusat seperti di Portugal, castile dan Aragon (Sepanyol), England, Perancis. Ia diperkukuhkan lagi dengan amalan bayaran cukai secara langsung kepada kerajaan pusat. Kesannya kuasa raja bertambah, sebaliknya kuasa gereja dan bangsawan berkurang.
2. Ekonomi Aktiviti sara diri pupus, sebaliknya perdagangan meluas. Mereka mula menjelajah dan maju dalam bidang ilmu seperti matematik, geografi, astronomi. Ciri – ciri zaman ini seperti inkuiri, objektif dan eksperiman memajukan ilmu sains seperti bologi, fizik, kimia, perubatan.
3. Sosial – Berlaku perubahan pemikiran, mereka lebih berani menzahirkan emosi dan keinginan mereka. Maka lahirlah muzik, lukisan, ukiran dan membentuk budaya yakin.

4. Pemikiran logik, sainstifik, falsafah dan metafizik – melahirkan manusia yang menggunakan sepenuhnya minda mereka untuk memajukan manusia.

<u>g) Gerakan Reformation di Eropah Barat.</u>

1. Reformation berasal daripada perkataan reform bermaksud melaksanakan perubahan atau pembaharuan terhadap sesuatu untuk menghasilakn sesuatu yang lebih baik atau untuk membentuk sesuatu yang baru.
2. Kritikan ini kerana gereja meningkatkan pembangunan keduniaan agar Rom menjadi kuasa yang kuat di tengah Itali.
3. Gereja juga kian pincang, rasuah dan menyeleweng.
4. Penguasa Gereja Katolik dianggap lari daripada kitab Bible.
5. Penyelewengan telah berlaku dalam amalan penjualan sijil indulgenees (Surat pengampunan dosa) ke seluruh Eropah.
6. Di Jerman, gerakan agama ini dibantu oleh mesin cetak Johann Gutenberg – di mana Bible dicetak dalam masa singkat dan murah harganya.
7. Martin Luther (Jerman) menetang amalan indulgences, menurutnya manusia perlu bergantung kepada kekuatan rohaninya. Ajaran Luther ini dikenali mazhab Protestan bermaksud membantah.
8. Ajaran Martin berkembang ke Sweden, Denmark, Norway dan England.
9. Di Switzerland gerakan ini diketuai oleh Zwingli, selepas kematiannya disambung pula oleh John Calvin.
10. Bagi menangani penentangan ini gereja Katolik mengendalikan Counter Reformation yang bermaksud menahan atau bertindak menentang sesuatu yang baru.

<u>h) Kesan Gerakan Reformation di Eropah Barat.</u>

1. Berlaku perpecahan agama Kristian – di mana berlaku perang mazhab Kristian di Perancis, Sepanyol, Jerman.
2. Tetapi kesan jangka panjang, gerakkan ini mewujudkan sikap toleransi antara mazhab Kristian untuk menyebarkan pendidikan dan fahaman Kristian.
3. Kuasa gereja telah dicabar, golongan monarki ingin membebaskan diri daripada penguasaan Paus di Rom, contohnya Raja Henry VII memutuskan hubungan dengan

gereja Rom kerana ingin berkahwin. Beliau telah menjadi ketua kerohanian Gereja Protestan Anglican.

(2) Zaman Penjelajahan dan Penerokaan.

a) Latar belakang bermulanya penjelajahan orang Eropah.

1. Kejayaan sains dan teknologi zaman Renaissance membantu kegiatan penjelajahan ini.
2. Mereka mencari laluan ke timur kerana kerajaan Islam Turki telah menguasai Istanbul.
3. Selama ini orang Eropah mendapat barangan timur melalui Istanbul tetapi mereka menghadapi masalah selepas kerajaan Islam memerintah Istanbul.
4. Mereka memulakan penerokaan dengan melalui Lautan Atlantik untuk sampai ke timur.

b) Sebab – sebab penjelajahan berlaku.

1. Desakan ekonomi – orang Eropah memerlukan barangan timur seperti emas, sutera, rempah.
2. Galakan pemerintah (raja Sepanyol dan Portugal), Sepanyol menumpukan kepada Amerika Lain dan Portugal ke timur.
3. Persaingan kuasa Sepanyo dan Portugal – Sepanyol turut ke timur, begitu juga sebaliknya degan Portugal.

4. Persaingan ini menyebabkan Paus Rom menggesa dibuat Perjanjian Tordesillas bagi menetapkan kawasan pengaruh masing – masing – timur milik Portugal, barat milik Sepanyol.
5. Peranan Columbus – orang Eropah pertama tiba di Amerika.
6. Peranan Magellan – tiba di timur dan terbunuh di Filipina.
7. Perdagangan rempah dan sutera amat menguntungkan menjadi pendorong utama kuasa Sepanyol/ Portugal ke timur.
8. Mereka juga menjelajah untuk menyebarkan agama Kristian khasnya Sepanyol yang pernah diperintah oleh orang Islam begitu bersemangat menyebarkan agama Kristian.
9. Monarki baru di Eropah menggalakkan penerokaan, contohnya di England, Perancis dan Belanda.
10. Rumusannya penjelajahan kerana " Gold, Glory, Gosper".

c) Kesan penjelajahan kepada masyarakat setempat.

1. Dari segi politik – banyak perjanjian dibuat antara penguasa tempatan dengan wakil kuasa Eropah. Perjanjian ini menandakan pengiktirafan kuasa Eropah.
2. Di antara wakil Eropah tersebut seperti Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC). Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC). Syarikat seperti ini berdagang hingga ke Afrika, Latin Amerika, Asia Tenggara dan Asia Timur.
3. Dari segi ekonomi – kawasan luar Eropah menjadi pembekal kepada masyarakat Eropah, Goa, Melaka contohnya di kuasai Portugal.
4. Jalan perdagangan di Lautan Hindi dan Asia Tenggara yang dikuasai oleh pedagang Arab telah diambilalih oleh kuasa Eropah seperti Portugal.
5. Dari segi sosial – gaya hidup masyarakat tempatan terpengaruh orang Eropah, malah ada yang memeluk agama Kristian.
6. Perang berlaku antara orang tempatan dan kuasa Eropah contohnya Sepanyol berperang dan menakluk tamadun Aztec di Maxico dan tamadun Inca di Peru.
7. Penjajah telah menguasai emas dan perak contohnya di Amerika Latin, mereka turut mengekspotasi buruh peribumi di lombong dan ladang.
8. Di timur, Sepanyol menguasai Filipina dan Portugal menguasai Melaka dan Goa.

(3) Revolusi Pertanian.

a) Perkembangan pertanian sebelum Revolusi Pertanian.

1. Pengeluaran makanan secara kecil – kecilan.
2. Dua sistem pemilikan tanah iaitu tanah persendirian dan tanah awam.
3. Tanah persendirian adalah milik orang kaya.
4. Tanah awam juga milik persendirian tetapi mengikut adat kebiasaannya rakyatboleh bercucuk tanam kecil – kecilan, menternak, memburu atau memancing, amalan ini tidak dianggap salah sehinggalah zaman Revolusi Pertanian.

b) Pengenalan Akta Pemagaran ketika Revolusi Pertanian.

1. Pemagaran penting untuk tujuan pengeluaran makanan secara besar – besaran kerana pertambahan penduduk.
2. Tuan tanah ingin menjalankan pertanian secara besar – besaran termasuk menggunakan tanah awam.
3. Harga gandum yang meningkat menarik minat tuan tanah menbuka ladang.
4. Pengenalan akta pemagaran menyediakan kawasan yang sangat luas untuk membuka ladang.
5. Kesan pemagaran rakyar biasa hilang punca rezeki dan terpaksa menjadi buruh ladang dan kemudiannya ke bandar bekerja kilang Revolusi Industri.

c) Kaedah dan ciptaan ketika Revolusi Pertanian.

1. Penanaman bergilir – peladang menanam tanaman berbeza mengikut musim sepanjang tahun. Ini bertujuan agar tanah dan tanaman sentiasa subur kerana setiap tanaman menggunakan nutrien tanah berbeza. Maka tidak ada tanah yang dibiarkan kosong.
2. Tanaman baru – seperti turnip dan ubi kentang.
3. Peralatan baru – seperti Jethro Tull mencipta alat menggali dan menugal untuk mempercepatkan penanaman benih.
4. Pertanian komensial – kuantiti hasil dipertingkatkan dengan pengenalan baja asli yang menyuburkan tanah. Hasil pertanian untuk tujuan perdagangan.

(4) Revolusi Perindustrian.

a) Sumbangan Revolusi Pertanian kepada Revolusi Perindustrian.

1. Revolusi Pertanian telah menyediakan modal dalam Revolusi Perindustrian.

2. Makanan pula mencukupi untuk menampung permintaan pekerja kilang.

3. Britain tidak bergantung kepada import makanan luar, maka dana import dapat digunakan untuk pelaburan industri.

b) Rekaan sains dan teknologi Revolusi Perindustrian.

1. James Watt – membaiki enjin rekaan Thomas Newcomen.

2. James Watt & Boulton – mengeluarkan enjin berkuasa wap.

3. R.Arkwright – mencipta alat pemintal benang menggunakan enjin berkuasa wap.

4. J. Hargreaves – mencipta mesin pemintal benang.

5. Produk sebelum Revolusi Perindustrian secara kecil – kecilan menggunakan tenaga manusia kemudian produk bertambah ketika Revolusi Industri kerana adanya rekaan sains.

c) Pengkhususan pengeluaran Revolusi Perindustrian.

1. Pengkhususan dibuat kerana pemodal ingin mengawal kos.

2. Majikan dan pekerja kian mahir dalam bidang yang dipilih.

3. Kesannya kuantiti dan kualiti barang meningkat sehingga boleh dipasarkan ke luar Britain.

d) Penggunaan teknologi ketika Revolusi Perindustrian.

1. Sebelum pengenalan enjin berkuasa wap – tenaga manusia, binatang dan air digunakan.

2. Pengenalan mesin berkuasa wap menghasilkan barangan yang banyak dan murah serta mudah ke pasaran luar.

3. Kemasukan ke pasaran antarabangsa akan menguntungkan usahawan, keuntungan ini akan digunakan untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran dan perdagangan.
4. Penghasilan tenaga wap melalui proses pembakaran arang batu, Britain amat beruntung kerana mempunyai arang batu yang banyak.
5. Newcomen telah mencipta mesin berkuasa wap yang memudahkan perlombongan arang batu.
6. Kuasa wap daripada arang batu juga digunakan dalam sistem pengangkutan seperti kereta api dan kapal laut.
(5) Kesan Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian.

a) Pertanian sebagai punca ekonomi.

1. Wujud pertanian komensial – gandum, rye, jagung.
2. Peladang menjadi pedagang antarabangsa dengan mengeksport hasil lebihan ke luar negara.
3. Revolusi pertanian menyediakan makanan kepada buruh kilang industri.
4. Kemajuan perindustrian menyebabkan petani menjadi buruh kilang dan pengusaha kilang menjadi tokoh ekonomi menggantikan pengusaha ladang.

b) Peningkatan perdagangan antarabangsa.

1. Britain amat mudah memperdagangkan lebihan hasil pertanian dan industrinya kerana mereka penjajah.
2. Britain juga memerlukan bahan mentah untuk mengembangkan perindustriannya daripada tanah jajahan seperti getah, bijih timah.
3. Britain turut mengembangkan kapal laut untuk berdagang.
4. Britain juga mengeksport modal ke seberang laut.

c) Kemajuan pengangkutan.

1. Pada mulanya Britain menggunakan kereta kuda dan baj.
2. Kemudian jalan raya dibina dan kereta api dipekenalkan.
3. Pada mulanya rel kereta api diperbuat daripada kayu kemudian daripada besi dan keluli.
4. Pengangkutan laut pula melibatkan pengenalan kapal laut berkuasa wap.

d) Kemunculan golongan buruh dan majikan.

1. Ekonomi skala besar menyebabkan munculnya golongan buruh ladang dan kilang.
2. Penggunaan mesin memerlukan kilang seperti kilang tekstil.
3. Peringkat awal Revolusi Pertanian dan Perindustrian para buruh tidak dilayan dengan baik.
4. Kemahiran mereka juga tidak diperlukan selepas penciptaan mesin baru seperti ciptaan mesin membuat stokin, pakaian, yang menyebabkan penenun dan tukang jahit tradisional tidak diperlukan.
5. Pekerja mahir (penenun dan tukang jahit) memprotes dan memusnahkan mesin – mesin, contohnya Pergerakan Luddite.
6. Akta Antipenggabungan diperkenalkan untuk melarang pekerja bergabung bagi mendapatkan gaji dan layanan baik daripada majikan.
7. Larangan ini menyukarkan pekerja kerana tidak semua majikan bertimbang rasa kepada pekerja.
8. Kanak – kanak bawah usia 10 tahun pada masa ini dieksploitasi bekerja sebagai pelombong arang batu dan di kilang tekstil. Masa bekerja mereka pula lebih 10 jam sehari.
9. Pada masa ini amalan ekonomi bebas amat berpengaruh, bagi mereka gaji pekerja ditentukan oleh pasaran dan campur tangan kerajaan perlu dihindarkan.
10. Tetapi kemudiannya akta antipenggabungan telah dimansuhkan dan kesatuan sekerja ditubuhkan.
11. Akta baru diluluskan untuk membela nasib pekerja.

(6) Imperialis barat di Asia.

a) Latar belakang kemunculan Zaman Imperialis.

1. Imperialis bererti penguasaan negara lebih kuat terhadap negara lain yang lemah.
2. Penguasaan ini bertujuan mendapatkan keuntungan ekonomi dan politik, ia dilakukan sejak Zaman Rom, kemudian Sepanyol, Portugal.
3. Pada awalnya barat berminat dengan hasil dagang seperti rempah, emas dan perak.

4. Kemudiannya ekonomi negara jajahan distrukturkan untuk memenuhi kehendak ekonomi penjajah.
5. Selepas itu, penjajah seperti Britain dan Belanda mengubah ekonomi negara jajahan agar memenuhi keperluan perindustrian di negara mereka seperti tanaman getah.

b) Faktor kedatangan kuasa barat menjajah Asia.

1. Mereka ingin mendapatkan bahan mentah seperti getah.
2. Mereka menjajah untuk mendapatkan pasaran barang perindustrian mereka.
3. Pengangkutan jalan raya, kereta api dan kapal wap mempercepatkan perjalanan dan membantu kedatangan kuasa barat menjajah Asia.
4. Apabila negara barat dan Amerika Syarikat melindungi industrinya dengan memperkenalkan peraturan tariff maka Britain tambah terdesak mencari pasaran baru di Asia.
5. Barat ke Asia juga kerana faktor menyebarkan tamadun mereka yang dianggap tinggi.
6. Mereka turut menyebarkan budaya dan agama Kristian.
7. Barat juga berebut – rebut sesama mereka menjajah negara Asia kerana menjajah telah menjadi simbol status kuasa yang kuat.

c) Kesan imperialisme terhadap Asia Tenggara.

1. Politik – pemerintah tempatan terpaksa menerima penasihat dan pentadbir barat. Sistem politik peribumi ditukar atau diubahsuai dengan sistem barat. Kuasa barat telah campur tangan di Asia seperti Inggeris di Tanah Melayu, India, Belanda di Indonesia, Amerika di Filipina.
2. Ekonomi – ekonomi distrukturkan untuk keperluan industri barat contoh bijih timah dan getah di Tanah Melayu.
3. Pendidikan – sistem pendidikan Inggeris diperkenalkan di bandar dan untuk mereka yang akan menjadi pentadbir rendah British.
4. Kemasukan buruh asing – barat menjemput masuk buruh asing bekerja dengan mereka. Kesannya wujud pelbagai kaum yang berpecah belah dan tidak wujud keharmonian antara kaum.

BAB 10 : DASAR BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA

(1) Perkembangan aktiviti ekonomi sebelum dan semasa pemerintahan British.

a) Ekonomi tradisional.

1. Contoh ekonomi sara diri – melombong, cucuk tanam, memungut hasil hutan, menangkap ikan.
2. Pengeluaran skala kecil, teknologi mudah, modal yang kecil,buruh yang terhad dan pasaran kecil.
3. Lebihan pengeluaran – untuk tujuan kenduri, zakat, sedekah, hadiah.
4. Padi pula disimpan untuk bekalan hingga musim berikutnya.
5. Tanaman lain – ubi, pisang, kelapa.
6. Ternakan – ayam, itik, lembu untuk keluarga.
7. Teknologi mudah – penanaman padi seperti tajak, cangkul, tugal,tenggala.
8. Sistem pengairan mudah – sungai dan hujan.
9. Menangkap ikan – mengail, bubu, jala.

b) Ekonomi dagangan.

1. Pertanian dan perlombongan yang melibatkan lebihan pengeluaran untuk pemasaran.
2. Pengeluaran dalam skala yang besar, buruh yang ramai, modal besar, pemasaran lebih luas.
3. Bijih timah dipasarkan ke China, Jepun, India.
4. Bijih timah juga dibuat gendang gangsa, senjata, alat muzik.
5. Kaedah melombong dengan mendulang – diusahakan oleh pembesar seperti Long Jaafar, dan Ngah Ibrahim
6. Kawasan lombong di sungai dan diusahakan oleh buruh tempatan.
7. Kedatangan British meminggirkan ekonomi orang melayu. Wujud ekonomi duaan (dwiekonomi) iaitu ekonomi tradisional dan ekonomi dagangan. Pantai barat dan timur juga tidak seimbang ekonominya.

8. Akhirnya British mengambil alih ekonomi dagangan dan membawa masuk buruh China.

c) Sistem pertanian komersial.

1. Pertanian komersial berasaskan kepada eksport dan menjadi penyumbang utama kerajaan.
2. Contohnya pertanian komersial ialah ubi kayu, lada hitam, tebu.
3. Maharaja Abu Bakar telah menanam gambir dan lada hitam melalui sistem Kangchu.
4. Pemodal China dan Eropah menuasai pertanian komersial kerana mempunyai modal, teknologi, konsesi tanah yang luas dan tempoh pajakan yang lama.
5. Pemodal British telah menguasai getah, pemodal China pulaa menguasai gambir dan lada hitam.
6. Pada masa ini, masyarakat Melayu menjalankan ekonomi sara diri.

d) Perkembangan perusahaan getah.

1. Getah digunakan ketika revolusi Industri dalam industri kereta, maka getah ditanam di Tanah Melayu.
2. pada mulanya, getah ditanam di halaman kediaman Residen Hugh Low, Perak sebagai tanaman hiasan.
3. H.N Ridly (Pengarah Botanical Garden Singapura) mempromosi tanaman getah dengan memberi benih percuma kepada peladang.
4. Beliau juga menemui sistem menoreh ibidem (Cara tulang ikan hring) yang tidak merosakkan pokok.
5. Industri barangan pengguna yang memerlukan getah seperti kasut, tayar basikal dan alat elektrik.
6. Modal milik pelabur Eropah turut mengembangkan industri getah di Tanah Melayu, syarikat di London membawa masuk modal melalui penubuhan syarikat perwakilan di Tanah Melayu seperti Guthrie, Sime Darby.
7. Dasar galakan British kepada pemodal asing seperti sewa tanah dan tariff cukai yang rendah kepada pengusaha getah.

8. Kemajuan jalan raya dan kereta api telah menghubungkan kawasan pertanian dengan pelabuhan atau pusat pentadbiran telah memudahkan pengusaha (golongan komprador).
9. British juga membawa masuk pekerja India Selatan bekerja di ladang getah dengan gaji yang murah.

e) Kejatuhan perusahaan getah.

1. Kemerosotan perusahaan getah berlaku ketika Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia (1929 – 1932).
2. Ini bermakna ekonomi Tanah Melayu telah mempengaruhi perkembangan ekonomi dunia.
3. Industri getah pulih semula pda tahun 1934 kerana pertambahan permintaan dan kawalan negara pengeluar.
4. Rancangan sekatan Stevenson diperkenalkan bagi menahan harga getah jatuh. Prinsip rancangan ini ialah menghadkan pengeluaran getah oleh negara pengeluar agar harga naik.

f) Perkembangan industri perlombongan.

1. galian Tanah Melayu – contohnya bijih timah, emas, besi, arang batu, bauskit, antimoni.
2. Bijih timah dan emas ialah galian terawal diperdagangkan yang diusahakan secara kecil – kecilan oleh orang Melayu.
3. Bijih timah mendapat permintaan antarabangsa yang besaringga muncul pengusaha Eropah dan China mengambil alih peranan pembesar melayu.
4. Kedatangan pengusaha China pada awalnya dipantau oleh pembesar Melayu. Mereka perlu mendapat kebenaran melombong dan menjual semula hasil timah ini kepada pembesar Melayu. Harga timah ini juga ditentukan oleh pembesar melayu.
5. Kedatangan pemodal Eropah telah menghentikan penguasaan pembesar Melayu ini.
6. Kedatangan pemodal ini berjaya menyaingi pengusaha China kerana mereka menguasai kapal korek yang menghasilkan pengeluaran secara besar – besaran. Mereka berintensifkan modal, orang China berintensifkan buruh.

7. Kerajaan penjajah british juga telah meluluskan enakmen dan undang – undang yang mewujudkan penguasaan pengusaha Eropah.
8. Terdapat juga pembesar melayu yang mengambil mudah mencari keuntungan dengan memajakkan lombong mereka kepada saudagar China dari Negeri Negeri Selat kerana ketiadaan modal.
9. Tanah Melayu terus menjadi pengeluar utama bijih timah dunia sehingga Perang Dunia Kedua.

g) Pengusaha tenaga buruh China.

1. Kedatangan buruh ini mendapat galakan British dan tidak ditentang oleh orang Melayu.
2. Buruh China datang dari wilayah selatan China seperti Kwangtung, Kwangsi dan Fukien.
3. Kedatangan mereka ini untuk bekerja dilombong bijih timah.
4. Buruh China datang dengan cara sistem kredit, sebelum ke Tanah Melayu mereka dikumpul di kampung mereka di China oleh Kheh thau (ketua).
5. Bakal imigran ini dikenali sebagai kin kheh. Ketua ini akan mendapat upah wang bafi setiap sin kheh.
6. Seterusnya sin kheh dikawal oleh nakhoda kapal atau agensi buruh terlebih dulu telah mendapat bayaran daripada bakal majikan sin kheh.
7. Kemudiannya sin kheh perlu membuat perjanjian secara bertulis atau lisan membayar hutang (kos kedatangan ke Tanah Melayu) dengan cara bekerja di bawah bakal majikan berkenaan dalam jangka waktu tertentu.
8. Mereka akan diberikan tiket yang menyatakan pelabuhan yang perlu dituju, di pelabuhan mereka akan diambil oleh pemborong buruh yang menjadi orang tengah bagi mendapatkan majikan dengan bayaran tertentu.
9. Kemudian jawatan pegawai pelindung buruh dan imigran dari China diwujudkan, mereka akan mengawasi kemasukan buruh dan imigran China ini.
10. Selepas itu sistem tiket kredit dignti dengan sistem pengambilan kakitangan dan sistem pengambilan rumah kongsi.

11. Melalui sistem pengambilan kakitangan ini majikan yang memerlukan buruh akan menghantar pegawainya ke China. Tambang dan pembiayaan buruh akan ditanggung oleh majikan. Pegawai berkenaan akan mengiringi buruh – buruh hingga ke tempat majikan.

12. Melalui sistem pengambilan rumah kongsi pula, pengambilan buruh akan dilakukan oleh pegawai di negara china yang dilantik oleh rumah kongsi. Pegawai tersebut akan menanggung kos membawa buruh hingga ke rumah kongsi di Tanah Melayu. Setelah buruh diserahkan pegawai dari China tersebut akan mendapat sejumlah bayaran tertentu.

13. Di Sarawak, imigran keturunan China Foochow secara berkumpulan dibenarkan masuk melalui persetujuan Charles Brooke dan Wong Nai Siong 9ketua Foochow di Sibu). Mereka ini akan menjadi buruh gambir dan lada hitam.

h) Penggunaan tenaga buruh India.

1. Buruh India datang untuk bekerja di ladang – ladang getah.

2. Kedatangan mereka ini juga tidak dihalang oleh orang Melayu dan mendapat galakan pihak British, di samping itu orang India sudah mempunyai hubungan tradisi dengan Tanah Melayu.

3. Kemasukan buruh India melalui sistem buruh bebas atau merdeka, sistem kontrak dan sistem kangani.

4. Melalui sisitem buruh bebas, mereka datang dengan biaya sendiri yang diatur oleh orang atau kumpulan tertentu. Di Tanah Melayu mereka bebas memilih tempat dan pekerjaan mereka.

5. Melalui sistem kontrak, majikan membiayai tambang ke Tanah Melayu dan buruh India ini akan bekerja dalam tempoh masa tertentu (1-3 tahun) dengan gaji minimum dianggap 9 –13 sen sehari. Sistem ini amat menindas dan dianggap perhambaan tidak ketara. Sistem ini digantikan dengan sistem kangany.

6. Kangany bermaksud ketua, tandil atau mandur.

7. Kangany diberi kepercayaan oleh majikan dan diberi lesen dan kemudiannya akan ke India mencari tenaga buruh. Kangany diberi wang pendahuluan untuk membiayai kos buruh hingga ke Tanah Melayu.

8. Kangany kemudiannya dijadikan pengurus agensi membawa masuk buruh dan akhirnya sistem ini diharamkan kerana adanya penyelewengan.

i) Penggunaan mata wang.

1. Zaman Muzzaffar Syah Melaka – contoh wang emas, perak dan timah yang digunakan untuk urusan perniagaan.
2. Di negeri lain – dinar emas(Kelantan), kupang emas (Terengganu), jongkong tampang (Pahang).
3. Pedagang Eropah membawa mata wang asing contohnya mata wang perak Sepanyolyang digunakan di Negeri – Negeri Selat dan Negeri – Negeri Melayu.
4. Kemudiannya kerajaan British mengeluarkan wang kertas bagi Negeri – Negeri Selat dibawah Lembaga Pesuruhjaya Wang, wang ini sahaja yang sah digunakan ketika itu dan wang kerajaan Melayu kian pupus.

j) Institusi kewangan atau perbankan.

1. Institusi kewangan berperanan menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelabur yang kemudiannya memajukan industri bijih timah dan getah.
2. Bank memperkenalkan kaedah baru yang berorientasikan keuntungan berasaskan kadar faedah yang tinggi.
3. Bank telah menyebabkan dana luar negara dapat disalurkan terus ke Tanah Melayu dengan mudah dan cepat.
4. Bank telah bertindak sebagai ejen pembayar kepada pengeksport dan pengimport dan melicinkan perdagangan antarabangsa.
5. Bank pertama di Tanah Melayu ialah Mercantile Bank.
6. Selepas Perjanjian Pangkor wujud banyak bank lain seperti The Chartered Bank, Hong Kong dan Shanghai Bank.
7. Bank Eropah mengutamakan pedagang Eropah.
8. Pedagang tempatan mendapat perkhidmatan bank Eropah melalaui Komprador (orang tengah) yang terdiri daripada orang tempatan yang diberi kepercayaan oleh bank untuk menjadi penaja kepada peminjam.

9. Bank tempatan pertana ialah Kwong Yik Bank di Kuala Lumpur, Bank of Malaya di Ipoh, Ban Hin Lee Bank di Pulau Pinang.
10. Di Sarawak – Kwong Lee Bank, Ban Chiang Bank.
11. Bank orang melayu pertama – Malay National Banking Corporation Bhd.

k) Perkembangan perkhidmatan insurans.

1. Antara insurans penting ialah insurans maritim, kebakaran, hatrra, perniagaan, kemalangan dan nyawa.
2. Insurans maritim – melindungi dagangan dan kapal pedagang.
3. Insurans kebakaran – penting kerana kebakaran kerap berlaku contohnya kebakaran hampir seluruh Kuala Lumpur tahun 1892.
4. Peringkat awal syarikat insurans di Tanah Melayu adalah cawangan syarikat beribu pejabat di luar negara – contohnya Boustead and Company England.
5. Syarikat insurans tempatan contohnya Straits Insurance Limited di Singapura.
6. Kerajaan British juga telah mengasingkan insurans nyawa daripada insurans kebakaran.

(2) Dasar – dasar pertanian British.

a) Dasar – dasar pertanian British.

1. Orang melayu diperkenalkan oleh British dengan tananam yang memepunyai pasaran seperti kopi, tembakau, getah.
2. British telah mengkomersialkan tanaman tradisional seperti gambir dan lada hitam.
3. Tenaga buruh China dan India digunakan untuk memajukan lagi sector perladangan.
4. Undang – undang pemilikan tanah telah diperkenalkan oleh British, bertujuan untuk melindungi tanah orang Melayu daripada diceroboh oleh pemodal asing. Tetapi beberapa daripada aspek undang – undang ada yang menindas orang Melayu.

b) Pengenalan undang – undang berhubung tanah.

1. Sebelum kedatangan British persoalan tanah tidak menjadi masalah kepada orang Melayu kerana tanah yang luas, penduduk rendah, urusan cukai dan kebenaran

mengusahakan tanah hanya dengan pembesar Melayu. Pemilikan tanah amat mudah iaitu pemilik tanah ialah sesiapa yang meneroka dan mengerjakan tanah tersebut.

2. Rekod bertulis adalah elemen penting dalam mengesahkan pemilikan tanah pada masa British.
3. Rekod ini juga digunakan dalam urusan tanah seperti cukai, pajakan, sewa beli, jual dan beli tanah.
4. Tanah juga dilihat sebagai cagaran untuk mendapatkan modal.
5. Undang- undangan tanah pertama ialah Peraturan Tanah Perak. Seterusnya Kanun Tanah Selangor, Peraturan Tanah Sungai Ujong.
6. Tanah dibahagikan mengikut nilai komersial seperti tanah ladang, pribumi dan perlombongan.
7. Kadar cukai tanah bergantung kepada jenis tanah dimiliki.

c) Kesan pengenalan undang – undang tanah British.

1. Permohonan kebenaran mendapatkan tanah sama ada syarikat atau individu didapati daripada Pejabat Tanah dan bukan dari pembesar Melayu lagi.
2. Kebenaran Pejabat Tanah juga diperlukan untuk mengutip hasil hutan seperti nipah, damar, rotan.
3. Bermakna kuasa residen negeri amat besar untuk menentukan tanah yang boleh diberikan kepada pemodal.
4. Kelulusan tanah pula bergantung kepada modal, teknologi dan bilangan buruh yang akan digunakan.
5. Dasar tanah British juga membawa kepada perkembangan ekonomi wang. Di mana cukai, jual, beli, sewa ke atas tanah perlu menggunakan wang. Mamalh orang Melayu perlu membayar cukai hasil hutan dalam bentuk wang.
6. Kesannya orang Melayu yang tiada wang meminjam daripada orang tengah dan kemudiannya menyelesaikan menjual tanah untuk menyelesaikan hutang mereka.

d) Undang – undang melindungi tanah bumiputra.

1. Akta Tanah Simpanan Melayu (TSM) diperkenalkan oleh British bagi mengelakkan tanah milik Melayu berpindah kepada orang asing.

2. Residen berhak mengisytiharkan mana – mana tanah orang Melayu sebagai TSM untuk mengelak TSM daripada dijual, dipajak gadai, atau ditukar milik.
3. TSM juga ingin melindungi ekonomi penjajajh, contohnya TSm tidak boleh diusahakan tanaman komersial. TSM tidak subur dan tidak sesuai untuk tanaman perladangan.
4. Land Order di Sarawak diperkenalkan bagi melindungi tanah peribumi daripada dicerobohi oleh pengusaha China.
5. Di sini jaga diperkenalkan Land Settlement Order bagi melindungi tanah peribumi daripada diceroboh.
6. Di Sarawak pemindahan hak milik tanah hanya boleh dilakukan melalui perwarisan, bagi mengelakkan pemajakan, pemecahan dan penjualan tanah kepada orang luar.
7. Land Order Sarawak seterusnya membhagikan tanah kepada 3 kawasan iaitu tanah campuran, tanah simpanan dan tanah pedalaman.
8. Imigran hanya dibenarkan memiliki tanah campuran sahaja, manakala tanah simpanan dan pedalaman dilindungi.
9. Di Sabah pula, Proklamasi III Perlindungi Hak Peribumi yang melindungi kepentingan peribumi diwartakan oleh British. Peraturan ini menetapkan hak milik peribumi di bawah kuasa Pegawai Daerah.
10. Segala urusan jual beli tanah di Sabah dengan orang Eropah pula perlu dimaklumkan kepada ketua peribumi. Penduduk peribumi juga berhak menuntut ganti rugi ke atas tanah yang dijual kepada orang asing.

e) Dasar British terhadap pekebun kecil getah.

1. Kebanyakan pekebun kecil ialah orang Melayu. British berhasrat mengekalkan orang Melayu sebagai petani.
2. Maka Enakmen Tanah Padi diperkenalkan untuk mrnghalang tanaman getah ditanam di kawasan tanaman padi, sekaligus mengurangkan penglibatan pekebun kecil getah dalam penanaman padi.
3. halangan kepada orang Melayu seterusnya ialah apabila British menaikkan premium tanah baru untuk tanaman getah.

4. Selepas itu British melarang sama sekali pembukaan tanah baru untuk penanaman getah.
5. Pada awalnya penglibatan pekebun kecil Melayu secara kecil – kecilan tidak mendatangkan kebimbangan kepada pengusaha Eropah.
6. Apabila ekonomi meleset dan harga getah jatuh, British terpaksa melindungi pengusaha Eropah.
7. Antaranya dengan memperkenalkan Rancangan Sekatan Stevenson yang menghadkan pengeluaran getah negara pengeluar.
8. Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa pula memberi kuota lebih tinggi kepada pekebun kecil, mereka juga ditekan kerana dianggap mengancam pengusaha Eropah.
9. Tanaman getah yang banyak masalah ini tetap menguntungkan orang Melayu berbanding tanaman padi.
10. Oleh itu, orang Melayu tidak berminat mengusahakan tanaman padi.

f) Dasar tanaman padi.

1. Minat orang Melayu kepada getah berbanding padi membimbangkan British kerana Tanah Melayu terpaksa mengimport beras dari Thailand, Myamnar, Indo-China.
2. Bekalan import beras ini tidak terjamin, contohnya ketika berlaku kekurangan pengeluaran beras di Myanmar.
3. Maka petani tidak dibenarkan menaman padi di tanah sawah.
4. British menubuhkan Jabatan Parit, dan Tali Air bagi memperbaiki sistem peparitan dan membantu tanaman padi.
5. Ini membuktikan bahawa British tidak memberi perhatian kepada kemajuan ekonomi orang Melayu.

(3) Kesan – kesan dasar ekonomi British.

a) Perkembangan pembandaran.

1. Pembandaran bermaksud perubahan pekan kecil atau kampung kepada bandar hasil pertambahan fungsi dan kegiatan ekonomi.

2. Pembandaran lebih cepat berlaku dikawasan yang menjadi pusat kegiatan ekonomi penjajah.
3. Pekan di kawasan perlombongan biasanya mempunyai penduduk yang kian bertambah, menjadi pusat mengumpul hasil lombong, pusat mendapatkan keperluan harian.
4. Pekan ini kemudiannya menjadi bandar yang menjadi pusat pentadbiran, perbankan seperti Kuala Lumpur, Taiping.
5. Bandar Miri pula berkembang kerana adanya petroleum.
6. Bandar baru muncul ini menjadi tumpuan penduduk dan berfungsi sebagai pusat perniagaan, pentadbiran.
7. Bandar ini lengkap dengan kemudahan jalan raya, sekolah, air, elektrik, pusat kesihatan, dan institusi kewangan.
8. Bandar – bandar ini kebanyakkanya didiami oleh orang China, sebaliknya orang Melayu dan India menetap di luar bandar.
9. Bandar baru pesat kerana adanya kemajuan pengangkutan dan mempunyai rangkaian jalan raya dan kereta api.
10. Hasil getah dan bijih timah turut mengembangkan bandar pelabuhan kerana keperluan eksport seperti pelabuhan Klang, Pulau Pinang.
11. Bandar Kuching pula muncul kerana kemajuan tanaman gambir dan lada hitam.
12. walau bagaimanapun kemudahan infrastuktur ketika pemerintahan British tidak melibatkan kawasan luar bandar khususnya di kawasan pantai timur Tanah Melayu.

b) Pembentukan masyarakat berbilang kaum.

1. Kedatangan imigran China dan India kerana keperluan tenaga manusia khasnya perlombongan dan perladangan.
2. Kedatangan imigran yang berlipat kali ganda banyaknya ketika British telah membentuk masyarakat berbilang kaum di tanah Melayu.
3. Semasa British petempatan dan kegiatan ekonomi berasaskan kaum, Melayu bertani di luar bandar, Cina berniaga dan melombong di bandar dan kawasan perlombongan. India menoreh getah di ladang.
4. Bahasa pertuturan mereka mengikut bahasa ibunda masing – masing.
5. Pada masa ini tidak wujud interaksi dan perpaduan antara kaum.

c) Perkembangan sistem pendidikan vernakular.

1. Sistem ini menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantar dan tidak memupuk perpaduan kaum.
2. Pendidikan Melayu tradisional – mempelajari al- Quran, bahasa Arab, ilmu agama, membaca, menulis dan mengira di surau, masjid dan sekolah pondok.
3. Sekolah melayu – contohnya di Singapura, Seberang Prai, Kuala kangsar yang dijalankan di peringkat rendah sekadar menjadikan mereka petani yang lebih baik daripada bapanya.
4. Maktab Perguruan Sultan Idris – melatih guru Sekolah Melayu.
5. Kolej Melayu Kuala Kangsar – sekolah untuk golongan elit Melayu.
6. Sekolah Tamil – disediakan oleh British di bandar dan pengusaha ladang membiayai sekolah di ladang. Ia berorientasikan negara India, di mana sukatan, buku, guru dari India dan menggunakan bahasa Tamil.
7. Sekolah Cina – dibiayai oleh saudagar dari China. Ia juga menggunakan sukatan, buku, guru dari negara asal (China) dan menggunakan dialek cina masing – masing. Selepas adanya pengaruh komunis British mengawal sekolah ini.
8. Sekolah Inggeris – peringkat awal diusahakan oleh mubaligh dan badan sukarela. Sekolah ini sekolah elit yang terletak di bandar dan pelajarnya di kalangan orang atasan. Kurikulumnya disusun mengikut sistem pendidikan di England.
9. Universiti Malaya – diusahakan oleh British di Singapura tetapi agak lewat.

d) Perkembangan sektor perkilangan.

1. Pada awalnya British terlalu menumpukan kepada eksport getah dan bijih timah, hampir semua barangan kilang diimport.
2. Barangan kilang yang diimport seperti pakaian telah bersaing hebat dengan perkilangan tradisional tempatan seperti batik, sutera.
3. Kasut getah – contohnya kilang Syarikat Fung Keong dan Syarikat Bata di Klang.
4. Kilang membina kapal korek, kapal kecil dan mesin memproses getah – Syarikat United Engineers.
5. Kilang mengetin nanas – diusahakan oleh bangsa Perancis di Johor.
6. Sektor ini dikuasai oleh pengusaha Eropah dan Cina, sementara orang Melayu tercicir.

e) Sistem pengangkutan dan perhubungan.

1. Jalan kereta api dibina untuk mempercepatkan pengangkutan bijih timah ke pelabuhan untuk dieksport, contohnya Taiping ke Port eld, Seremban ke Port Dickson, Kuala Lumpur ke Port Swettenham.
2. Jalan kereta api turut dihubungkan dari Seberang Perai hingga ke sempadan Siam.
3. Kemudiannya ke pantai timur dari gemas, Pahang, Kelantan ke sempadan Siam.
4. Seterusnya disambung ke selatan hingga ke Singapura.
5. Pengangkutan kereta api juga menggalakkan pembukaan tanah baru di pedalaman dengan tanaman getah.
6. Kereta api juga dapat membawa muatan yang banyak.
7. Di samping itu, jalan denai dan kereta lembu yang digunakan untuk mengangkut bijih timah dan getah ke pangkalan sungai telah digantikan dengan jalan raya.
8. Jalan raya terus berkembang khasnya apabila kenderaan bermotor diperkenalkan.
9. Beberapa rangkaian jalan raya disiapkan, contohnya dari Seberang Prai ke Melaka, Perlis ke Singapura, Kuala Lumpur ke Kuantan.
10. Sistem perhubungan – contohnya telegraf, telefon, pos.
11. Kemudahan pengangkutan dan perhubungan di Pantai Timur Tengah Melayu ketinggalan kerana kurangnya pembangunan ekonomi.

f) Perkhidmatan kesihatan.

1. Kedatangan imigran menyebabkan kesesakkan penduduk dan berlaku pelbagai penyakit berjangkit kerana temapt tinggal yang kotor dan air yang tidak bersih.
2. Hospital kerajaan terawal dibina di Taiping dan Kuala Lumpur.
3. Pusat perubatan pula dibina di Batu Gajah, Kuala Kangsar dan Kuala Lumpur.
4. Pusat perubatan kecil pula di Pahang dan Negeri Sembilan.
5. Hospital di Sabah – Jesselton, Sandakan, Tawau.
6. Perkhidmatan perubatan di Sarawak di Kuching dan pusat perubatan kecil di Sibu dan Sri Aman.
7. Hospital swasta – contohnya Hospital Tung Shin di Kuala Lumpur memberi khidmat khasnya kepada pelombong.

8. Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur – mengkaji punca penyakit dan langkah – langkah pencegahannya.

9. Sanitary Board – lembaga yang menjaga kebersihan dan kesihatan awam di bandar Kuala Lumpur. Fungsi lembaga ini kemudiannya terpecah dua dan kepada dua bahagian iaitu Sanitary Board menjaga kebersihan bandar dan Jabatan kesihatan menjaga kesihatan.